SOROTAN KHAS › RAKAMAN LENSA MUSIBAH DISEMBER 13-20

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 23 - 29 DISEMBER 2021

Pemandangan udara keadaan bah luar biasa di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 20 Disember. Kawasan ini antara yang terjejas teruk dalam enam daerah yang ditenggelami air.
Foto Halim Abdul Rahman

Bantuan RM1,000 sekeluarga 2

Bil air percuma sebulan 2

Pakej pemulihan RM100 juta 4

Bangkit dari tragedi banjir

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor

MB bantu selamatkan bayi, warga emas

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar membantu mangsa banjir termasuk sebuah keluarga yang mempunyai anak baru lahir di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda, Seksyen 23 di sini pada 19 Disember.

Dato' Seri Amirudin Shari bersama anggota pasukan keselamatan sejak jam 5.30 petang juga membantu beberapa warga emas yang terperangkap di kawasan berkenaan.

"Saya berada di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda selama empat jam membantu mengeluarkan mangsa yang terkandas. Antaranya sebuah keluarga yang mempunyai anak yang baru lahir serta warga emas," katanya.

Amirudin juga beliau mengakui usaha menyelamat penduduk berdepan cabaran suasana gelap dan air belum surut selain kereta tenggelam menyukarkan pergerakan bot menyelamat.

Kementerian Pertahanan dalam kenyataan menyebut anggota tentera darat yang menjalankan operasi menyelamat berdepan kesukaran ekoran laluan bot terganggu objek tenggelam.

Amirudin membantu mangsa banjir termasuk ibu, bayi baru lahir dan beberapa warga emas di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada 19 Disember. Foto RADIN WAZIR

Tabung dilancar, hulur sebulan gaji

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melancarkan Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit untuk pemulihan kawasan terjejas akibat banjir pada 18 Disember.

Sebagai permulaan, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyumbang sebulan gaji bagi membantu mereka yang terkesan dengan insiden terbabit.

Bercakap dalam sidang media di sini pada 21 Disember, beliau berkata sebanyak 453 jentera negeri dan persekutuan digerakkan bagi menyelamatkan mangsa banjir.

Amirudin turut berterima kasih kepada 2,817 petugas hadapan termasuk bomba, polis, tentera dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang bertugas di lapangan sejak 19 Disember.

Agih 5,000 kit ujian kendiri ke PPS

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyediakan 5,000 kit ujian air liur Covid-19 untuk diagihkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) seluruh negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu bagi mencegah penularan Covid-19 dalam kalangan mangsa banjir yang ditempatkan di situ.

"Selain itu, tindakan turut diambil bagi memastikan pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) serta isolasi mereka yang positif dilaksanakan," katanya pada 22 Disember.

Pada 18 Disember, Kerajaan Negeri mengarahkan semua agensi berkaitan bagi membantu penduduk terjejas susulan banjir, termasuk memindahkan mereka ke PPS.

Isi rumah terjejas diberi RM1,000

RM10,000 untuk waris korban bah

Oleh **AFEEQA AFEERA**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperuntuk RM100 juta bagi permulaan program Selangor Bangkit susulan insiden banjir di beberapa daerah sejak 18 Disember.

Selain pemulihan infrastruktur, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana itu meliputi bantuan RM10,000 kepada keluarga mangsa banjir yang terkorban.

Beliau menjelaskan sumbangan RM1,000 turut diagihkan kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman dan barangan yang rosak.

"Mangsa banjir akan terima RM2,000 daripada kerajaan persekutuan dan Selangor. Kita tidak pilih bulu siapa yang dapat bantuan ini sama ada mereka di pusat pemindahan rasmi atau tidak.

"Bantuan juga diberikan kepada mereka yang masih berada di rumah, kita akan kenal pasti," katanya dalam sidang media di sini pada 21 Disember.

Amirudin menambah seramai 26 individu disahkan meninggal dunia setakat jam 2 petang pada 24 Disember.

"Kita sedang kenal pasti sama ada disebabkan banjir atau mungkin kekurangan ubat dan sebagainya. Saya ucapkan takziah dan harap keluarga dapat bersabar," katanya.

Sementara itu, beliau berkata kerja pembersihan kawasan yang surut banjir giat dilaksanakan mulai 24 Disember meliputi Klang, Petaling, Shah Alam dan Hulu Langat.

Dijangka mengambil masa selama dua minggu, Amirudin memaklumkan jumlah pusat pemindahan sementara dan mangsa yang dipindahkan menunjukkan penurunan.

Beliau menjelaskan sebilangan kecil keluarga memilih untuk tinggal di kediaman masing-masing, justeru mereka diberi bakul makanan untuk memasak.

Tiada caj bil air, beri moratorium

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersetuju mengecualikan bayaran bil air selama sebulan kepada semua pemegang akaun yang terkesan dengan banjir.

Perkara itu dimaklumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam sidang media khas di pusat pentadbiran rasmi Kerajaan Negeri pada 21 Disember.

"Saya berbincang dengan ketua pegawai eksekutif Pengurusan Air Selangor dan dia minta senarai untuk kenal pasti kawasan terjejas," katanya.

Beliau turut mengumumkan penangguhan bayaran pinjaman selama dua bulan kepada usahawan Hijrah Selangor yang terjejas akibat bencana itu dengan kesan kewangan RM15 juta.

Mangsa bah di Hulu Langat, Wan Muhammad Faisal Wan Ismail, 43, menyifatkan pengecualian bayaran bil air selama sebulan sangat membantu ekoran individu terlibat bencana sepertinya banyak menggunakan air untuk membersihkan rumah.

"Syukur sangat kerana memang kami menggunakan air yang sangat banyak buat masa ini," katanya yang pertama kali berdepan pengalaman banjir sejak 12 tahun menghuni Taman Lagenda Suria.

Titah sedia pelan komprehensif

Sultan dukacita banjir landa negeri

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menzahirkan rasa sedih dan dukacita berikutan kejadian banjir terburuk yang melanda sebahagian besar daerah di negeri ini.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga bimbang atas kesukaran yang dihadapi rakyat selepas menyaksikan sendiri gambar dan video kawasan terjejas susulan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

"Baginda dimaklumkan banyak lokasi terjejas dan terputus hubungan akibat jalan raya dinaiki air serta kawasan kediaman yang dilanda banjir luar biasa sehingga kini," menurut kenyataan Selangor Royal Office pada 19 Disember.

Sultan Selangor turut berdoa agar bencana tersebut segera berakhir manakala urusan rakyat dipermudahkan serta kembali seperti sedia kala.

Baginda juga bertitah pelan tindakan komprehensif perlu diperkemas bagi berdepan banjir luar jangka bagi memastikan tindakan pantas diambil.

Sultan Sharafuddin turut terharu melihat semangat kerjasama masyarakat dan kumpulan sokongan yang saling membantu ketika berdepan musibah.

Dana RM100 juta tangani bah besar

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menyediakan peruntukan berjumlah RM100 juta susulan tragedi banjir luar biasa di beberapa daerah di negeri ini sejak 18 Disember.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebanyak RM80 juta diperuntuk menerusi inisiatif Ikhtiar Selangor Bangkit bagi pembinaan semula prasarana manakala baki untuk operasi pembersihan.

"Kerajaan Negeri memperuntuk RM100 juta sebagai permulaan program Selangor Bangkit dengan bantuan RM10,000 kepada keluarga mangsa banjir yang meninggal dunia.

"Manakala RM1,000 kepada setiap keluarga yang terkesan banjir dan bantuan pembersihan, pemulihan infrastruktur, kesihatan, pengurusan sisa pepejal dan pusat pemindahan sementara," katanya.

Hujan luar jangka jejas persiapan

SHAH ALAM - Taburan hujan luar jangka beberapa hari lepas menjejaskan persiapan Kerajaan Negeri sejak November untuk berdepan kemungkinan banjir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan keadaan memburuk apabila fenomena air pasang besar turut berlaku dalam waktu tersebut.

"Kadar hujan yang dicatatkan itu ialah tempoh sebulan tetapi turun dalam sehari. Apa yang berlaku pada 16 Disember, kadar hujan antara 300 ke 400mm dalam tempoh 24 jam.

"Pelarasan berlaku pada November untuk taburan hujan sebulan tetapi malangnya trend itu meningkat dan kita terus pergiat usaha gerakkan aset yang ada," katanya dalam sidang media khas pada 21 Disember.

Pada 17 November, Kerajaan Negeri menerusi Unit Pengurusan Bencana membuat kenyataan supaya orang ramai di lokasi berisiko bersiap sedia berdepan kemungkinan banjir.

Amirudin menambah semua pegawai daerah bersedia dalam kapasiti rendah berdasarkan ramalan awal sebelum ditingkat semaksimum mungkin pada 18 Disember.

Katanya, prasarana negeri hanya bertahan untuk taburan hujan antara 60 ke 100mm hingga terpaksa menghubungi perdana menteri untuk bantuan.

"Pintu air juga terpaksa ditutup kerana limpahan air laut boleh terjah ke daratan dan mungkin Shah Alam dan kawasan sekitar lebih parah," katanya

Fenomena 100 tahun sekali

KUALA LUMPUR - Hujan lebat berterusan dalam tempoh 24 jam sejak lewat malam pada 17 Disember menyamai jumlah taburan purata hujan di Lembah Klang untuk tempoh sebulan, fenomena yang berlaku setiap 100 tahun sekali.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berkata fenomena terjadi susulan faktor luruan monsun dan sistem cuaca tekanan rendah yang mencapai tahap lengkukan tropika terbentuk di Laut Cina Selatan yang dikesan pada 12 Disember oleh Jabatan Meteorologi.

Pada 16 Disember, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata sistem itu memasuki Pahang merentasi kawasan barat Semenanjung Malaysia menyebabkan peningkatan kelembapan sehingga mengakibatkan hujan hampir semua negeri di Semenanjung.

"Taburan hujan setahun di Kuala Lumpur ialah 2,400 mm dan ini bermakna taburan hujan semalam (18 Disember) melebihi jumlah taburan hujan untuk sebulan, ini adalah sesuatu di luar jangkakan dan hanya berlaku 100 tahun sekali," katanya pada 19 Disember.– BERNAMA

amirudinshari.com
#KitaSelangor

BANTUAN TRAGEDI BANJIR #SELANGORBANGKIT OLEH KERAJAAN NEGERI

JUMLAH RM100 JUTA

IKHTIAR SELANGOR BANGKIT

RM20 JUTA
PEMBERSIHAN & PEMULIHAN

RM80 JUTA
PEMBINAAN SEMULA INFRASTRUKTUR

RM10 RIBU

SETIAP KELUARGA MANGSA BANJIR TERKORBAN DI SELANGOR

RM15 JUTA

PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SELAMA 2 BULAN PEMINJAM & USAHAWAN HIJRAH YANG TERKESAN DENGAN BANJIR

PENGECUALIAN BAYARAN BIL AIR SELAMA SEBULAN

KEPADA AKAUN YANG TERKESAN DENGAN BANJIR

PENUBUHAN TABUNG IKHTIAR SELANGOR BANGKIT

- SUMBANGAN OLEH SYARIKAT SWASTA, KORPORAT, GLC & INDIVIDU
- SUMBANGAN SULUNG OLEH MENTERI BESAR SELANGOR DENGAN PEMOTONGAN SEBULAN GAJI

RM1,000

KEPADA SETIAP KELUARGA MANGSA BANJIR

WAKTU SOLAT
23 - 29 DISEMBER 2021
18 - 24 JAMADILAWAL 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	5:52	6:02	7:12	1:15	4:38	7:12	8:27
24 Jumaat	5:53	6:03	7:13	1:16	4:38	7:13	8:27
25 Sabtu	5:53	6:03	7:13	1:16	4:39	7:13	8:28
26 Ahad	5:54	6:04	7:14	1:17	4:39	7:14	8:28
27 Isnin	5:54	6:04	7:14	1:17	4:40	7:14	8:29
28 Selasa	5:55	6:05	7:15	1:18	4:40	7:15	8:29
29 Rabu	5:55	6:05	7:15	1:18	4:41	7:15	8:30

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:52	6:02	7:13	1:16	4:39	7:13	8:28
5:53	6:03	7:14	1:16	4:39	7:14	8:28
5:53	6:03	7:14	1:17	4:40	7:14	8:29
5:54	6:04	7:15	1:17	4:40	7:15	8:29
5:54	6:04	7:15	1:18	4:41	7:15	8:30
5:55	6:05	7:16	1:18	4:41	7:16	8:30
5:55	6:05	7:16	1:19	4:42	7:16	8:31

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:54	6:04	7:14	1:17	4:40	7:13	8:28
5:55	6:05	7:15	1:18	4:40	7:14	8:29
5:55	6:05	7:15	1:18	4:41	7:14	8:29
5:56	6:06	7:16	1:19	4:41	7:15	8:30
5:56	6:06	7:16	1:19	4:42	7:15	8:30
5:57	6:07	7:17	1:20	4:42	7:16	8:31
5:57	6:07	7:17	1:20	4:43	7:16	8:31

Pekerja KDEB Waste Management (KDEBWM) mengangkat timbunan barangan rosak akibat banjir di Dusun Tua, Hulu Langat pada 22 Disember. Foto FIKRI YUSOF

2,376 tan metrik sampah diangkut

SHAH ALAM - Sebanyak 2,376 tan metrik sampah diangkut KDEB Waste Management (KDEBWM) membabitkan lapan daerah di negeri ini yang terjejas banjir setakat 23 Disember.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan sebanyak 487 tong Roll On Roll Off (RORO) dan 29 lori jengkaut digunakan untuk mengangkut sampah membabitkan 1,274 pekerja KDEBWM.

"Usaha ini giat dijalankan bersama bantuan petugas agensi serta kerjasama sukarelawan," katanya dalam kenyataan pada 23 Disember.

Ketika meninjau operasi pembersihan pascabanjir di Padang Jawa, Klang pada hari sama, beliau memaklumkan sebanyak 600 tan metrik sampah pukal diangkut sejak 20 Disember dari situ.

"Secara purata, sebanyak 200 tan dikeluarkan sehari, bermakna 600 tan dalam tempoh tiga hari berturut-turut. Jika diikutkan, 200 tan itu hanya 10 peratus daripada jumlah yang dikeluarkan di Padang Jawa.

"Kita sasar proses pembersihan ambil masa satu hingga dua minggu, bergantung kepada keadaan dan air surut. Setakat ini, timbunan sampah di jalan utama dibersihkan dalam tempoh 24 jam," katanya.

RM10 juta untuk Taman Sri Muda

Naik taraf saliran

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Sebanyak RM10 juta diperuntuk Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor bagi menaik taraf sistem saliran di Taman Sri Muda.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata projek yang siap empat peratus dimulakan sejak 1 Julai lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada 1 Julai 2023.

Beliau berkata skop projek melibatkan binaan struktur platform bagi pemasangan tiga unit skru pam dan menambah baik saliran utama kawasan berkenaan.

"Semoga projek ini akan membantu menyelesaikan isu banjir di sini secara menyeluruh berdasarkan keperluan dan keadaan semasa," katanya dalam kenyataan pada 23 Disember.

Mengulas dakwaan kegagalan pembaikan pam di Taman Sri Muda, Ir Izham berkata JPS menyelenggara dua unit pam bergerak selain menambah dua lagi unit baharu.

Beliau menjelaskan keempat-empat pengoperasian pam tersebut disaksikannya sendiri pada 17 November lalu bersama EXCO Kerajaan Prihatin V Ganabatirau.

Beliau juga menjelaskan ketiadaan bekalan elektrik di Taman Sri Muda menyebabkan pintu air tidak dapat beroperasi dengan sempurna.

Ir Izham berkata kejadian itu menyebabkan pintu air perlu dibuka secara manual tetapi mungkin mengalami risiko kerosakan dan gagal berfungsi jika batang besi bengkok.

Katanya, JPS Selangor juga berusaha mengepam air dari saliran utama sehingga paras seimbang bagi mengurangkan tekanan kepada pintu terbabit.

"Pengepaman air banjir di pintu air menggunakan empat unit pam bergerak dengan jumlah kapasiti 960 liter per saat sekali gus berjaya membantu mengurangkan banjir di Taman Sri Muda," katanya.

Sumbangan RM1,000 ringan beban

SHAH ALAM - Mangsa banjir mengakui bantuan RM1,000 daripada Kerajaan Selangor sangat bermakna dalam meringankan sedikit beban mereka.

Penduduk Taman Seri Muda, S Maghaletchumy, 48 berkata walaupun jumlah itu kecil berbanding kerugian tetapi ia cukup bermakna.

"Bantuan ini dapat mengurangkan sedikit beban yang ditanggung, saya faham kerana jumlah mangsa yang ramai jadi jumlah RM1,000 ini sudah cukup memadai," katanya yang ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Emerald di sini.

Pada 18 Disember, kediaman dua tingkat yang didiaminya bersama suami serta dua anak ditenggelami air menyebabkan mereka tinggal sehelai sepinggang.

Mangsa banjir di Taman Lagenda Suria, Hulu Langat Rahmanisah Rahmat, 42, pula bercadang mahu membeli tilam, peralatan pembersihan kesan banjir mengguna wang bantuan itu.

"Terima kasih Kerajaan Negeri bagi bantuan tunai RM1,000, sedikit sebanyak meringankan beban kami. Tetapi jika ia diberi dalam bentuk barangan keperluan lebih membantu.

Sedia 5,000 makanan sehari

RM600 untuk fakir terjejas banjir

Oleh **HELMI MOHD FOAD**

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalur sumbangan RM600 kepada setiap ketua keluarga fakir miskin termasuk bukan asnaf yang terjejas akibat banjir menerusi peruntukan RM1 juta.

Ketua pegawai eksekutif berkata LZS juga mengumpul maklumat ketua keluarga dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Daerah untuk menyelaras bantuan bagi meringankan beban mangsa.

Saipolyazan M. Yusop berkata sebanyak RM250,000 lagi disediakan untuk makanan kering dan barangan keperluan asas di pusat pemindahan sementara.

"Sumbangan tersebut menggunakan dana pengurusan operasi amil sebagai tanda keprihatinan amil zakat terhadap mangsa banjir," katanya pada 20 Disember.

Beliau berkata LZS menyediakan 5,000 pek makanan bermasak sehari untuk diagih kepada semua PPS bawah koordinasi pejabat daerah sepanjang lima hari.

"Semalam (19 Disember) 5,000 pek pertama dihantar ke Pejabat Daerah Klang yang kemudiannya diagih ke PPS terlibat.

"Bagi mempercepat bantuan tambahan kepada mangsa banjir terjejas, sebanyak RM90,000 diperuntuk untuk Tabung Kecemasan Banjir LZS," katanya.

Saipolyazan berkata LZS juga menyalur beberapa bentuk sumbangan pascabanjir bagi membantu mangsa dalam kalangan asnaf fakir dan miskin serta institusi.

Bekas atlet berdayung agih bantuan

SHAH ALAM - Bekas atlet Sukan SEA acara mendayung menggunakan kemahirannya untuk mengagih bantuan kepada mangsa banjir sekitar sini dan Banting.

Muhammad Rabani Hashim, 27, yang baru selesai menyertai pertandingan duathlon di Johor dua hari lalu meminjam sampan milik rakannya yang menetap di sini.

"Saya singgah sini untuk bantu apa yang terdaya. Kebetulan ada kawan di sini yang boleh pinjamkan sampan untuk saya bawa bantuan ke tempat mangsa banjir," katanya pada 20 Disember.

Beliau mengagihkan barangan yang dikumpul sukarelawan terdiri daripada penduduk Bukit Jelutong di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Jelutong di sini.

Penduduk Aliah Qistina Roslan, 23, yang juga pelajar Management & Science University di sini membuka pusat sumbangan itu secara sukarela bersama jiran dan beberapa rakan.

"Paling diperlukan ubat demam dan selsema, kit ujian kendiri Covid-19, pelitup muka, air minuman, makanan atau susu bayi serta tikar," katanya.

Ahli perniagaan Sharon Ting, 42, turut menyumbang barangan kebersihan diri antaranya ubat gigi, sabun mandi dan kit ujian kendiri.

"Sangat sedih tengok video mangsa di media sosial sebab itu saya rasa ini tanggungjawab kita semua untuk bantu apa yang mampu," katanya.

Bah ragut 26 nyawa

SHAH ALAM -Seramai 26 orang direkodkan terkorban dalam tragedi banjir di Selangor setakat 24 Disember.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari merakam ucapan takziah kepada semua keluarga mangsa dan berharap mereka diberi kekuatan menghadapi musibah.

"Kerajaan Negeri mengucapkan takziah kepada semua keluarga terlibat.

"Berharap semoga mereka diberi kesabaran, kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi musibah ini," kata beliau menerusi Twitter.

Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini antara kawasan terjejas teruk di Selangor. Seramai 14 orang terkorban manakala ribuan penduduk dipindah ke pusat pemindahan sementara.

Kerajaan Selangor menghulur sumbangan RM10,000 kepada waris mangsa banjir yang terkorban menerusi peruntukan RM100 juta bagi permulaan program Selangor Bangkit.

Selain itu, bantuan RM1,000 turut diagih kepada ketua isi rumah bagi membaik pulih semula kediaman dan barangan yang rosak. Selain itu, pengecualian bil air sebulan turut diberi.

Pada 19 Disember, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air berkata hujan lebat berterusan dalam tempoh 24 jam sejak 17 Disember menyamai taburan purata hujan di Lembah Klang untuk sebulan.

Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang menjelaskan fenomena setiap 100 tahun sekali susulan faktor luruan monsun dan sistem cuaca tekanan rendah yang mencapai tahap lengkukan tropika di Laut Cina Selatan.

Terperangkap di bilik, suami umpil tingkap

Letak anak autisme di tilam terapung

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SUBANG JAYA - Suri rumah yang terperangkap dalam bilik tidur bersama dua anak termasuk seorang menghidap autisme terpaksa keluar melalui tingkap rumahnya di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong di sini pada 18 Disember.

Nor Azlina Hussin, 39, yang menyewa rumah setingkat sejak dua tahun lalu cuba membuka pintu tetapi arus terlalu kuat dan hanya mampu menjerit meminta pertolongan berikutan air mencecah paras dada sekitar jam 5 petang.

Pertama kali melalui pengalaman banjir, beliau terpaksa mendukung anaknya berusia lapan tahun secara bergilir dengan dua anak saudara berusia 16 dan 17 tahun yang tinggal bersamanya.

"Kejadian berlaku begitu pantas, hendak lari keluar pun tidak boleh sebab pintu tidak boleh buka sebab arus dari luar kuat, hanya mampu menjerit minta tolong.

"Tidak ingat berapa lama terperangkap. Saya cuma mendukung salah seorang anak, yang bongsu berusia lima tahun saya letakkan di tilam yang terapung," katanya.

Nor Azlina berkata suaminya yang pulang bekerja bersama jirannya kemudian mengumpil jeriji tingkap untuk mereka menyelamatkan diri sebelum menumpang di rumah jiran.

Penyanyi Yantzen panjat bumbung

SHAH ALAM - Penyanyi Yantzen terpaksa memanjat bumbung rumahnya di Hulu Langat berikutan paras air naik mendadak pada 18 Disember.

Tinggal bersendirian di Taman Sungai Serai Tambahan, Batu 12, Hulu Langat, beliau tidak sempat menyelamatkan harta benda, lapor Berita Harian.

"Saya hanya sempat mencapai satu beg pakaian. Saya terpaksa panjat bumbung rumah untuk menyelamatkan diri.

"Saya dan penduduk lain semalaman berlindung atas bumbung dalam hujan dan kesejukan sementara menunggu bantuan sampai keesokannya," katanya.

Yantzen ditempatkan di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai, Hulu Langat.

Mangsa banjir putus jari tersepit pintu

SHAH ALAM - Merawat mangsa banjir yang putus jari antara pengalaman yang dilalui paramedik Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini.

Alvin Tan menjelaskan rawatan terhadap lelaki lingkungan 30-an itu yang dipercayai tersepit pintu ketika mahu menyelamatkan diri dalam kejadian banjir diberi dalam ambulans bergerak berdekatan taman itu.

"Kami basuh luka, letak ubat dan balut jari lelaki berkenaan bagi kurangkan kesakitan," katanya pada 20 Disember.

Beliau berkata kira-kira 100 mangsa dirawat dengan dibantu 14 sukarelawan, paramedik dan doktor manakala 11 orang dirujuk ke Hospital Shah Alam, kebanyakan warga emas yang ada sakit kronik.

"Kalau boleh mahu elak hantar mangsa ke hospital bagi mengurangkan beban petugas kesihatan di hospital yang kini sibuk mengurus pesakit Covid-19 kecuali benar-benar perlu," katanya.

Kerajaan Negeri turut menggerakkan pasukan sukarelawan Team Selangor dan Sukarelawan Selangor (SERVE) bagi membantu proses menempatkan penduduk terjejas banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).

Rumah selangorku
LPHS
PNB VALUE HOMES
Rumah Teres I Berkembar I Rumah Sesebuah

Anda impikan kediaman milik sendiri.
TUNGGU APA LAGI?

Kediaman milik sendiri pertama merupakan permulaan legasi ekonomi anda yang boleh diperturunkan kepada yang tersayang. Lebih menarik lagi, ia sekaligus mempertingkatkan status ekonomi anda di mata banyak pihak. Ia juga boleh menjadi batu loncatan untuk legasi pemilikan hartanah anda di masa hadapan, kerana ia dibina oleh pemaju di bawah naungan Permodalan Nasional Berhad yang menerajui pemaju-pemaju hartanah terkemuka di Malaysia seperti Sime Darby Property dan S P Setia. Kualiti terjamin, bijak membeli, bahagia menanti. Tunggu apa lagi?

Daftar sekarang untuk memiliki sebuah kediaman PNB ValueHomes. Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.pnbvh.com** atau lphs.selangor.gov.my atau hubungi **06-790 9988**

Kini di Banting!
Daftar sekarang.
Harga daripada | RM180,000

PNB ValueHomes
pnb.valuehomes

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Suasana di dalam rumah hanya untuk ilustrasi sahaja.

Dibangunkan oleh:
PNB Development

Galeri Jualan Kota Seriemas
No. A8 ke A10, d'Streetmall, Pusat Komersial Seriemas, Persiaran Seriemas Dua, Kota Seriemas, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

• PNB Development Sdn Berhad, No. 1 Persiaran Impian Perdana, Saujana Impian, 43000 Kajang, Selangor • No. Permit Jualan: 19505-2/12-2022/0862 (P) • Tarikh Sah: 24/12/2020 – 23/12/2022 • No. Lesen Pemaju: 19505-2/12-2022/0862 (L) • Tarikh Sah: 24/12/2020 – 23/12/2022 • Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Ruj Pelan Bangunan: MDKL/JKB/4/4/1290 • Tarikh Jangka Siap: Disember 2022 • Bebanan Tanah: Tiada • Status Tanah: Pegangan Bebas • Rumah Teres 1 Tingkat • Saiz Tanah: 20'x70' • Bilangan Unit: 326 unit • Harga Jualan: RM180,000 – RM246,032 • Rumah Berkembar 1 Tingkat • Saiz Tanah: 35'x70' • Bilangan Unit: 312 unit • Harga Jualan: RM220,000 – RM272,828 • Rumah Sesebuah 1 Tingkat • Saiz Tanah: 55'x70' • Bilangan Unit: 6 unit • Harga Jualan: RM250,000 – RM265,160 • **Rumah Diperuntukkan Kepada Rumah Selangorku (RSKU): 156 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, 152 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, 3 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat**

SIDANG PENGARANG

Penasihat
Lembaga Penasihat Editorial

Pengarang kumpulan:
Fathi Aris Omar
fathi@mediaselangor.com

KETUA JABATAN

Edisi Mandarin:
Seh Pei Sun
peisun@mediaselangor.com

Selangor Journal:
Ida Nadirah Ibrahim
ida@mediaselangor.com

Tamil Indru:
Pakiyanathan Anamaly
pakiyanathan@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

selangorkini

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Naeem Raffi
Faridzwan Abdul Ghafar

Penolong pengarang portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Afix Redzuan

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Paras air naik mendadak, arus deras

Rumah pusaka tinggal tangga

Ruhana duduk termenung di tangga setelah rumah pusaka miliknya di Batu 18 Kampung Jawa Hulu Langat lenyap 'sekelip mata' dihanyut banjir pada 18 Disember . Foto BERNAMA

SHAH ALAM - Seorang warga emas sempat menyelamatkan diri sebelum rumah pusaka yang didiaminya hanyut dibawa arus deras ketika banjir di Batu 18 Kampung Jawa, Hulu Langat pada 18 Disember.

Dibina pada 1969, rumah peninggalan ibu bapa kepada lapan beradik itu menjadi tempat berteduh kakak sulung Ruhana Mahfuz, 75, lapor Malaysiakini.

Rodiah, 56, menjelaskan kakaknya tinggal seorang diri dan sempat mengalihkan barangan penting ke tempat lebih tinggi ketika air mula naik.

Namun, beliau terkejut apabila dimaklumkan rumah itu dihanyutkan banjir.

"Hanya tangga sahaja yang tinggal. Barangan dalam rumah memang tak sempat diselamatkan termasuk dokumen penting seperti kad pengenalan.

"Apa pun kami adik-adik bersyukur kerana Kak Long selamat," katanya.

Rodiah berkata paras air naik mendadak menjelang tengah malam dan penduduk menasihati Rohana supaya berpindah ke tempat selamat.

"Apabila air naik Kak Long alihkan kereta ke kawasan lebih tinggi sedikit, kemudian dia sempat pindahkan barang-barang rumah ke tempat lebih selamat.

"Ketika mahu alihkan lagi kereta ada penduduk datang nasihatkan supaya terus berpindah kerana air naik dengan cepat," katanya.

Empat jam berhujan di bumbung

SHAH ALAM - Sebelas pekerja kilang terpaksa memecahkan siling untuk menaiki bumbung rumah bagi menyelamat diri dalam kejadian banjir di Taman Sri Muda di sini, Sabtu lalu.

Warga Indonesia Amiruddin Yusof, 45, dan 10 lagi rakan serumah termasuk penduduk tempatan memindahkan barangan ke tingkat dua tetapi paras air meningkat cepat.

"Kami pecahkan siling dan naik ke bumbung pada jam 3 pagi selepas air mula naik ke tingkat dua," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Emerald pada 22 Disember.

Mereka yang sehelai sepinggang terpaksa menahan kesejukan berikutan hujan sebelum diselamatkan anggota bomba sekitar empat jam kemudian.

Sementara itu, jurukimpal Muhd Azwan Adnan, 24, bergegas pulang dari tempat kerja di Lanchong Jaya, Puchong kira-kira jam 3 petang pada Sabtu lalu apabila mendapati benteng sungai berdekatan pecah akibat hujan lebat.

"Saya sampai rumah terus beritahu emak dan ayah serta dua adik untuk terus keluar kerana bimbang rumah akan tenggelam.

"Tidak berapa lama kemudian, rumah saya memang habis. Tiada satu pun barang dapat diselamatkan," katanya.

Selain itu, sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) sanggup meninggalkan rumahnya yang turut terjejas akibat banjir demi membantu orang lain.

V Vijakomar menganggap dirinya 'berdosa' jika tidak membantu orang dalam kesusahan berikutan sudah biasa berbuat demikian sejak puluhan tahun lalu.

Nazlan melihat keadaan bengkelnya yang rosak teruk termasuk beberapa kenderaan pelanggan di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong pada 20 Disember. Foto MUSTAKIM RAMLI

Mekanik pasrah alatan bengkel hilang

SHAH ALAM - Kebanyakan kenderaan dalam proses pembaikan di bengkel milik seorang mekanik rosak teruk berikutan banjir di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong di sini sejak 17 Disember.

Nazlan Md Isa, 35, menjelaskan banyak peralatan bengkel hilang manakala rumahnya yang terletak kira-kira 100 meter dari situ turut rosak teruk.

"Saya hanya sempat selamatkan dokumen penting sahaja. Yang lain semua habis, tinggal sehelai sepinggang.

"Kereta, van dan lori pelanggan pun habis kena banjir. Kalau kira kerugian memang banyak sebab bukan sahaja tempat saya berteduh rosak, tempat saya cari rezeki pun turut terkesan," katanya pada 20 Disember.

Nazlan juga menjelaskan kejadian seumpama itu kali kedua yang dialaminya selepas 1995 tetapi bencana kali ini dianggapnya jauh lebih buruk.

Hujan lebat luar biasa sejak 18 Disember, lebih dua kali ganda taburan tertinggi sebelum ini iaitu kira-kira 180 mm, mengakibat banyak lokasi di negeri ini ditenggelami air.

Semua aset Kerajaan Negeri dan agensi persekutuan termasuk bomba, polis dan tentera dikerah bagi memindahkan mangsa ke tempat selamat selain mengagih barang keperluan asas.

Kereta terbabas ke longkang

Dukung anak redah banjir

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

SHAH ALAM - Seorang lelaki yang membawa isteri hamil dan anak autisme cemas apabila kereta yang dinaiki mereka terbabas ketika cuba menyelamatkan diri daripada banjir.

Namun, Zulkifli Jamaluddin, 35, gagal mengawal kenderaannya berikutan arus deras dan sukar mengagak kedudukan longkang dalam kejadian pada 18 Disember.

Pekerja syarikat perabot itu terpaksa mendukung anak berusia 13 tahun sebelum meredah banjir bersama isteri dalam hujan lebat dengan berkaki ayam apabila kereta mereka tersadai.

Terdahulu, Zulkifli sedang tidur di rumahnya di Paya Jaras, Sungai Buloh di sini sebelum terdengar jeritan jiran kira-kira jam 2 petang mengenai kenaikan paras air secara mendadak.

"Saya dan isteri capai apa yang patut untuk tinggalkan rumah. Cuma sempat ambil dokumen penting. Selipar dan kasut juga hanyut," katanya yang kemudian memandu untuk menyelamatkan ahli keluarganya.

Bersanding dalam bah

BANTING - Sepasang pengantin sempat bersanding seketika sebelum kawasan rumah di Kampung Bukit Changgang di sini dilanda banjir pada 19 Disember.

Muhammad Adib Fikri Zulkefle, 27, dan isterinya, Nur Fatin Liyana Zainuddin, 29, sedang bersanding pada kira-kira 11 pagi ketika air melimpah masuk ke dalam rumah hingga ke paras paha.

"Memang agak terkejut sebab kawasan rumah ini tidak pernah banjir beberapa tahun lepas.

"Memanglah sedih bila rumah kena banjir dan majlis kahwin terpaksa dihentikan tetapi ia kenangan, saya akan beritahu kepada anak dan cucu nanti," katanya pada 20 Disember. – BERNAMA

Upacara agama patuhi SOP

Krismas dalam waspada

Rata-rata penganut agama Kristian menghela nafas lega untuk menyambut perayaan Hari Natal pada 25 Disember tahun ini.

Sambutan berlangsung ketika negara sedang pulih daripada penularan Covid-19 selepas kejayaan program vaksinasi Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan.

Paderi Frederick Joseph dan James Arasu berkongsi pengalaman gereja menempuh pandemik bersama wartawan **AFIX REDZUAN**.

Bagaimana upacara keagamaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini dan selepas kelonggaran Pelan Pemulihan Negara (PPN)?

Frederick Joseph: Kita tidak membenarkan upacara keagamaan semasa PKP tetapi saya sebagai paderi mengadakan upacara secara peribadi di gereja setiap hari.

Gereja hanya dibuka selepas PKP tamat dengan kapasiti 1/3 di dalam gereja yang boleh memuatkan 150 orang dan dalam dewan seramai 100 orang. Kira-kira 250 orang hadir secara fizikal untuk satu upacara keagamaan. Bagi sesiapa yang kurang selesa untuk datang, kita siar dalam talian secara langsung. Setiap upacara keagamaan yang dipersembahkan ada siaran dalam talian secara langsung.

Untuk penganut Katolik, kehadiran pada Ahad diwajibkan. Dalam dua tahun ini, uskup memberi kelonggaran. Penganut enggan hadir boleh mengikuti upacara dalam talian. Ia masih berkuat kuasa sehingga tahun depan kerana warga emas dan kanak-kanak masih tidak selesa untuk hadir ke gereja.

Kita ambil langkah berjaga-jaga dengan membuka upacara hanya untuk penganut yang lengkap divaksin dua dos. Kalau tidak lengkap, kita tidak galakkan mereka untuk hadir secara fizikal.

Upacara keagamaan sempena Krismas tidak disambut dengan penganut tetapi kita dibenarkan membuka gereja hingga 10 malam untuk lawatan dan bersembahyang. Penganut perlu terus pulang selepas selesai.

James Arasu: Upacara sepanjang PKP dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom. Bagaimanapun bagi ahli gereja daripada golongan berpendapatan rendah berdepan kekangan mengikuti upacara dalam talian. Justeru pihak gereja membantu memudahkan perkhidmatan internet untuk mereka.

Selepas kelonggaran, aktiviti dijalankan seperti biasa dengan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP). Aktiviti bersemuka lebih berkesan berbanding dalam talian.

Untuk sambutan Krismas pada 25 Disember, apakah SOP yang perlu dipatuhi dan apa perancangan untuk penganut yang tidak dapat ke gereja?

Frederick Joseph: SOP sama seperti setiap upacara keagamaan. Kena buat pendaftaran dalam talian terutama untuk upacara pada 25 Disember. Mereka diminta datang 30 minit awal sebelum upacara. Namun kita tidak galakkan mereka datang terlalu awal.

Kita tidak halang warga emas untuk hadir upacara jika mereka selesa. Semasa awal PKP penganut berusia 60 tahun ke atas tidak dibenarkan hadir tetapi selepas PKP fasa tiga mereka boleh datang asalkan lengkap divaksin

Kanak-kanak juga boleh hadir dengan kebenaran dan tanggungjawab ibu bapa sendiri. Tidak perlu buat ujian Covid-19 untuk sertai upacara keagamaan.

Sehingga sekarang sebarang aktiviti makan di gereja tidak dibenarkan. Kita hanya sediakan pek makanan. Kita juga tidak benarkan penganut buka pelitup muka dan jaga jarak satu meter sepanjang berada dalam gereja.

James Arasu: Sambutan Krismas di gereja kami dijalankan pada 23 Disember dengan mengikuti SOP seperti jumlah penganut yang akan dibenarkan adalah 50 orang sahaja dengan penjarakan fizikal.

Apa bantuan dan program kebajikan disediakan pihak gereja sepanjang pandemik?

Frederick Joseph: Kita bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO). Mereka beri pek makanan untuk 1,000 keluarga. Sukarelawan akan bungkus dan hantar sampai Banting, Pulau Carey dan Pulau Indah.

Kebanyakan penerima adalah warga Sri Lanka, Indonesia, India tidak kira Kristian atau tidak. Kita bantu tidak kira agama dan bangsa. Di dalam gereja kita ada jawatankuasa membantu orang miskin.

Kita buat kutipan khas untuk orang miskin. Hasil kutipan dimasukkan dalam akaun gereja dan sukarelawan beli barang makanan untuk orang miskin dan sakit.

Bantuan kewangan juga ada untuk mereka yang sakit di hospital serta kehilangan kerja. Sekarang ramai yang menghadapi masalah membayar bil utiliti dan sewa rumah. Kita ada duit untuk dihulur dan semak setiap kes.

Kalau mereka datang terus minta bantuan untuk makan, kita berikan RM20 hingga RM50. Untuk bil uitiliti atau sewa rumah, kita akan bayar penuh

Kita buat kutipan khas untuk orang miskin. Hasil kutipan dimasukkan dalam akaun gereja dan sukarelawan beli barang makanan untuk orang miskin dan sakit

Frederick Joseph

jika pihak gereja mampu.

Kita tidak galakkan pemberian terus kepada individu yang minta tetapi jika kes seperti sewa rumah, kita hantar kakitangan untuk bayar terus kepada pemilik. Bantuan makanan kita beri terus.

Ada juga kes terperangkap dengan ahlong. Kita tengok dan berbincang dengan ahlong untuk bantu bayar bagi tempoh satu atau dua bulan.

James Arasu: Kami membantu ahli gereja dan golongan kurang bermampuan dengan menyalurkan barang dapur, alat perubatan, kit ujian Covid-19 dan juga menolong kanak-kanak dengan pembelajaran di atas talian.

Pandangan mengenai kempen bendera putih? Adakah gereja sedar mengenai kempen berkenaan?

Frederick Joseph: Kita pernah dengar kempen itu dan ada sukarelawan gereja mengambil bahagian secara persendirian. Sebagai paderi, saya menyokong penuh. Penganut kita turut menyumbang makanan asas. Bekalan bantuan makanan kita cukup sehingga bulan Januari 2022.

Kita juga beri bantuan barangan bayi seperti lampin pakai buang dan susu. Untuk golongan uzur, kita juga beri bantuan lampin pakai buang dan wang pengangkutan awam untuk mereka mendapatkan rawatan.

James Arasu: Kempen bendera putih untuk sementara waktu sahaja. Namun, ia membantu kelompok yang memerlukan dan pada masa sama ramai juga yang mengambil kesempatan. Gereja kami bekerjasama dengan NGO lain seperti HOPE SELANGOR yang sentiasa berusaha membantu golongan kurang mampu.

Kami adalah gereja bebas dan tidak menerima sebarang subsidi. Bagaimanapun, kami berjaya mengumpul wang derma dalam kalangan ahli untuk membantu mangsa Covid-19 di Tiruchi, India ketika bilangan kes meningkat secara mendadak di negara itu.

Dalam tempoh pandemik, ada individu bukan Kristian tampil meminta barang keperluan daripada gereja? Bagaimana mereka dibantu?

Frederick Joseph: Ada orang Islam yang datang terus untuk minta bantuan. Mereka datang minta wang untuk makan atau tiket tambang dan kita bantu. Kita hadkan tidak lebih RM100.

Peti tunai gereja ada RM500 setiap masa untuk membantu mana-mana pihak yang datang terus mohon bantuan. Biasanya pada Ahad atau akhir bulan banyak kes meminta pertolongan secara datang terus ke gereja.

James Arasu: Kami membantu semua golongan masayarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan negara. Kami juga membantu golongan migran dan pelarian. Kebanyakan orang yang mendapat bantuan adalah yang bukan beragama Kristian.

Apakah kaedah gereja untuk memudahkan pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)?

Frederick Joseph: Gereja ada bantuan pemberian komputer riba dan penerima perlu membayar RM20 sebulan selama dua tahun sebagai sewa bagi kurangkan beban.

Bayaran itu supaya penerima lebih tanggungjawab dan menghargai pemberian berkenaan. Kita tidak beri tuisyen percuma kerana tidak boleh adakan kelas secara fizikal.

James Arasu: Kami memberi pendidikan percuma kepada pelajar yang tercicir daripada PdPR, semasa PKP. Mereka diberikan kerja rumah melalui buku dan buku itu disemak. Setiap pelajar juga dihubungi melalui telefon. Mereka juga diberikan tambah nilai internet dengan pengawasan yang terperinci supaya ia digunakan dengan cermat.

Apa inisiatif gereja untuk mengurangkan tekanan individu yang datang berkongsi masalah?

Frederick Joseph: Ada individu berdepan masalah emosi semasa pandemik tampil mendapatkan nasihat daripada gereja. Kita beri nasihat dan mendengar luahan mereka selain memberi sokongan.

Kebanyakan mempunyai masalah kewangan dan keluarga. Biasanya mereka tidak dapat atasi masalah dan bercerita dengan kita untuk mencari penyelesaian.

Gereja mempunyai jawatankuasa untuk kesihatan mental. Mereka beri kaunseling kerana kita dapati semasa PKP terdapat banyak masalah rumah tangga. Dalam masalah itu, anak-anak paling terkesan terutama golongan belia.

Ada juga berkecenderungan untuk membunuh diri. Kebanyakannya memberitahu ingin membunuh diri tapi membatalkan niat selepas berbual. Mereka tidak menceritakan niat itu tetapi nampak ada kecenderungan untuk berbuat demikian. Sesi perbualan memberikan kelegaan kepada individu untuk meluahkan perasaan dan akhirnya mereka batalkan hasrat selepas mendapat sokongan.

James Arasu: Sebagai paderi, saya sering menghubungi ahli gereja. Jika mereka memerlukan kaunseling, saya cuba bercakap melalui telefon. Jika mereka memerlukan perhatian yang lebih, ahli gereja yang lebih kanan akan melawat mereka dan berbincang tentang masalah yang dihadapi.

Apakah pandangan dan usaha untuk menggalakkan dialog antara agama?

Frederick Joseph: Kita terbuka untuk sebarang dialog. Kita berwaspada terhadap isu yang kontroversi seperti kehadiran Muslim meminta bantuan. Kebanyakan Muslim yang datang kita galakkan ambil bantuan sahaja dan tidak berbincang mengenai agama.

Kita tidak campur aduk perihal agama dengan bantuan. Kalau mereka mahu bantuan yang kekal mungkin kita akan maklumkan kepada pusat zakat tetapi untuk kes datang terus ke gereja kita tidak maklumkan.

Dalam keuskupan agung, kita biasa ada dialog dua atau tiga kali setahun dan ada perjumpaan semasa Hari Kebangsaan.

Biasanya kita bercakap perihal persamaan agama sebagai kawan atau jiran tanpa sentuh isu sensitif bagi menghormati agama lain. Semua agama mengajar kita untuk menjadi manusia yang baik. Itulah dasar kita berbual.

James Arasu: Amat dialu-alukan supaya kita dapat memahami satu sama lain. Apalagi kita dalam situasi sekarang yang terkesan akibat pandemik. Dengan slogan kita jaga kita, hidup bermuafakat adalah sangat penting. Sayangi jiran anda seperti mana anda menyayangi diri.

Upacara sepanjang PKP dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom. Bagaimanapun bagi ahli gereja daripada golongan berpendapatan rendah berdepan kekangan mengikuti upacara dalam talian

James Arasu

BAHAYA SELEPAS BAH

Banjir besar di luar jangka melanda Selangor, Pahang, Melaka dan Kuala Lumpur selepas hujan lebat men-curah-curah tanpa henti antara 17 hingga 19 Disember.

Bencana bah di Selangor disifatkan yang terburuk dalam tempoh lima dekad apabila curahan hujan meningkat lebih dua kali ganda. Banyak harta benda rosak selain kehilangan nyawa.

Namun yang paling membimbangkan adalah penyakit bawaan air bah yang boleh mengancam kesihatan dan juga risiko renjatan elektrik. Wartawan FARIDZWAN ABDUL GHAFAR menyusun panduan membersih kediaman, menjaga kesihatan diri dan langkah berwaspada mengendalikan peralatan elektrik.

PEMBERSIHAN RUMAH

- Semasa pembersihan, pastikan pakai alat pelindung diri seperti but getah, sarung tangan dan pelindung mata
- Selepas pembersihan, pastikan diri dibersihkan dengan sempurna
- Bersihkan peralatan rumah, pinggan, mangkuk dan pakaian dicemari air banjir.
- Hapuskan lipas, lalat, nyamuk dan tikus
- Lupuskan sampah dan bangkai binatang dengan cara yang betul
- Segera dapatkan rawatan jika alami cirit-birit, muntah dan demam

ELAK PENYAKIT

- Jangan bermain air banjir
- Pakai pelindung diri semasa bantu mangsa banjir
- Segera bersihkan bahagian badan terkena air banjir
- Cuci tangan dengan betul
- Jangan guna air banjir untuk bersihkan diri, pakaian atau peralatan rumah
- Sentiasa gunakan air bersih atau air botol
- Amalkan kebersihan, elak lalat dan tikus
- Pakai pelindung diri semasa bersih rumah dan kawasan sekitar
- Dapatkan rawatan jika demam dalam tempoh 30 hari selepas bersih rumah

KESELAMATAN ELEKTRIK

- Pastikan suis utama papan agihan ditutup sebelum bersih barang elektrik
- Pastikan suis elektrik dan barang elektrik yang terendam dalam banjir diuji dahulu oleh kontraktor berdaftar dengan Suruhajaya Tenaga
- Jangan hampiri tiang atau kabel elektrik terputus
- Hubungi Tenaga Nasional Berhad (TNB) jika ternampak kejanggalan pada peralatan elektrik TNB

Peringatan:
Sentiasa patuhi arahan pihak berkuasa

Sumber
Infografik Kementerian Kesihatan Malaysia
Infografik BERNAMA

MUSIBAH DISEMBER

Seorang lelaki mengambil gambar keadaan kereta yang terbalik dan rosak teruk akibat dilanda banjir di Sungai Lui, Hulu Langat pada 21 Disember

Hunjaman hujan luar jangka antara 300 ke 400 milimeter sepanjang hari antara 17 hingga 19 Disember menenggelam sebahagian Selangor.

Kawasan terjejas teruk termasuklah Hulu Langat, Shah Alam dan Klang. Bencana ini telah mengorbankan 26 jiwa, manakala hampir 35,000 penduduk terpaksa dipindahkan.

Disifatkan berlaku hanya dalam 100 tahun sekali, bencana hujung tahun ini mengimbau kembali kenangan perit banjir besar pada 1971.

Kerajaan Negeri segera melancarkan pakej Selangor Bangkit berjumlah RM100 juta bagi membantu mangsa dan menyegerakan pemulihan.

Selain keperitan derita, kumpulan foto ini merakam bantuan pemimpin negeri, agensi bantuan dan orang ramai di lokasi utama seperti Sungai Lui dan Taman Sri Nanding di Hulu Langat; Seksyen-seksyen 13, 22 dan 25 di Shah Alam; dan juga Pelabuhan Klang di Klang.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyusun rakaman lensa AHMAD ZAKKI JILAN, HAFIZ OTHMAN, REMY ARIFIN, FIKRI YUSOF, HALIM ABDUL RAHMAN dan RADIN WAZIR. Album ini dilengkapkan dengan foto BERNAMA, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan orang awam di media sosial.

Penghuni Pangsapuri Perdana Seksyen 13, Shah Alam mengeluarkan semua barang untuk kerja pembersihan pada 21 Disember

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melawat lokasi banjir di Padang Jawa, Shah Alam pada 18 Disember

Ratusan kenderaan tersadai susulan Lebuhraya Persekutuan berdekatan Batu Tiga, Shah Alam ditenggelami air pada 18 Disember

Sukarelawan My Hope Hero sedang menyusun sumbangan makanan di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Seksyen 13 pada 21 Disember

BERNAMA

Norsila Zulkamal, 50, melihat barang miliknya yang rosak akibat dilanda banjir di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat pada 20 Disember

Deretan kereta yang tenggelam akibat banjir di stesen minyak Shell Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada 21 Disember

Dato' Seri Amirudin Shari menghulurkan makanan di pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan Taman Sri Muda, Shah Alam pada 19 Disember

Media sosial

Pusat beli belah Giant di Seksyen 13, Shah Alam dimasuki air akibat limpahan air Sungai Damansara dalam kejadian banjir pada 18 Disember

Petugas Bulan Sabit Merah Malaysia membantu seorang wanita yang diselamatkan ketika operasi di Seksyen 25 Sri Muda, Shah Alam pada 20 Disember

MBSA

Kakitangan MBSA mengagihkan kotak bantuan bekalan makanan kepada penduduk Taman Sri Muda, Shah Alam pada 19 Disember

Facebook Selangor Royal Office

DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyertai misi bantuan di Kampung Baru Hicom, Shah Alam pada 20 Disember

Penduduk Kampung Sungai Serai, Hulu Langat makan dan berehat seketika sewaktu membersihkan rumah pada 22 Disember

Dato' Menteri Besar menyantuni warga emas di pusat pemindahan sementara SMK Telok Panglima Garang, Kuala Langat pada 19 Disember

Stesen minyak Petronas Seksyen 22, Shah Alam membenarkan orang awam terkandas membeli barang walau ia sudah dimasuki air pada 18 Disember

Facebook Briged Tengah PGA Polis Diraja Malaysia

Anggota Pasukan Gerakan Am Semenyih menyelamatkan mangsa banjir di Batu 14, Hulu Langat pada 19 Disember

Anggota polis mendukung kanak-kanak yang diselamatkan di Sri Muda, Shah Alam pada 20 Disember

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melawat pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan (SK) Johan Setia, Klang pada 19 Disember

Anggota keselamatan mendukung warga emas ketika operasi menyelamat di sekitar Taman Mutiara Dengkil, Sepang selepas air naik mendadak sejak jam 3 pagi 19 Disember

Foto BERNAMA

Pelajar Raudhah Tahfiz Al-Quran Batu 11 bergotong-royong membersihkan Masjid Al-Ihsan yang dilanda banjir di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat pada 20 Disember

Rumah penduduk di Batu 18, Kampung Jawa, Hulu Langat hanya tinggal tangga pada 22 Disember selepas rumahnya dipukul arus sungai

DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mencemar duli dengan menyerahkan bantuan kepada mangsa banjir di Taman Meru Jaya, Klang pada 19 Disember

Facebook Selangor Royal Office

Balai Polis Pelabuhan Klang, Klang dimasuki air dalam banjir pada 18 Disember

Facebook MyWatch

Pemandangan udara kawasan banjir Seksyen 25, Shah Alam pada 19 Disember. Taman Sri Muda antara kawasan paling teruk terjejas di Selangor selain Klang dan Hulu Langat

Penduduk bergotong-royong mengemas rumah di Taman Seri Nanding, Hulu Langat pada 20 Disember

Nuarjan Sulaiman memeriksa keadaan keretanya yang hancur sedangkan baru dibeli tiga bulan lalu di Sungai Lui, Hulu Langat pada 22 Disember

Wanita mengeluarkan barang yang rosak akibat banjir besar di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat pada 19 Disember

Sukarelawan membantu menyelamatkan mangsa terjejas banjir ketika tinjauan di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada 21 Disember

Penduduk Sungai Lui, Hulu Langat membersihkan pakaian yang terendam dengan lumpur banjir pada 21 Disember

Mohd Shahir Mohd Shahran (dua, kanan) dari Melaka membantu penduduk Kampung Sungai Serai, Hulu Langat membersihkan rumah pada 22 Disember

Dato' Seri Amirudin Shari meninjau lokasi tanah runtuh di Genting Peras, Hulu Langat pada 23 Disember

Sukarelawan Team Selangor membantu membersihkan rumah penduduk Kampung Kenangan, Puchong pada 23 Disember

Mangsa banjir memilih pakaian sumbangan orang ramai di Taman Sri Nanding, Hulu Langat pada 23 Disember

Twitter MPKCare

Kakitangan Majlis Perbandaran Klang memunggah barangan rosak yang dibuang akibat banjir di Klang pada 20 Disember

Twitter MPKajang

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melakukan kerja pembersihan sisa banjir di Kampung Melaka dan Kampung Batu 10 Cheras pada 20 Disember

Dato' Menteri Besar melawat penduduk yang terjejas akibat banjir di Padang Jawa, Shah Alam pada 23 Disember

Petugas KDEB Waste Management mengangkut sampah pukal di Padang Jawa, Shah Alam pada 23 Disember

Twitter MPSelayang

Kakitangan Majlis Perbandaran Selayang menghantar misi bantuan sukarelawan pembersihan pascabanjir di Kampung Lanchong, Subang Jaya pada 23 Disember

Penduduk memilih barangan yang masih elok selepas dilanda banjir di Taman Meru Jaya, Klang pada 21 Disember

Twitter MPP UiTM

Sukarelawan Universiti Teknologi Mara (UiTM) membersihkan rumah terjejas akibat banjir di Padang Jawa dan Jalan Kebun, Shah Alam pada 22 Disember

Twitter APADChannel

Sukarelawan Agensi Pengangkutan Awam Darat membersihkan kediaman mangsa banjir di Taman Seri Nanding, Hulu Langat pada 22 Disember

BERNAMA

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyantuni mangsa banjir di SK Ulu Sungai, Raub pada 21 Disember

BERNAMA

Kerja membersih lumpur akibat tanah runtuh di kilometer 69.5 Karak-Bentong di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada 19 Disember

BERNAMA

Rakaman gambar deretan chalet Bobby Eco Farm Resort, Bentong yang rosak teruk akibat dibawa arus deras pada 20 Disember

Media sosial

Papan tanda Temerloh mula tenggelam susulan kejadian banjir di bandar itu, apabila air Sungai Pahang melimpah pada 19 Disember

BERNAMA

Sebuah rumah di Batu 7 Kampung Pantai, Seremban pada 19 Disember dipenuhi timbunan kayu dan pokok besar akibat dihanyutkan arus banjir

BERNAMA

Pemandangan udara keadaan banjir yang melanda Lubok China, Alor Gajah pada 19 Disember

Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Pengusaha swasta bantu keluarga susah

Tadika percuma PKP

Hilang 90 peratus pendapatan tidak merisaukan pengusaha tadika Christinea Rajagopal, 46, sebaliknya bayangan anak-anak tidak kenal huruf lebih menakutkannya.

Sedar ibu bapa tidak menghantar anak lantaran bimbang jangkitan Covid-19, beliau mengambil inisiatif membuka kelas dalam talian. Biarpun 'sakunya tidak berhabuk', beliau tidak mengutip yuran sesen pun. Hanya mahu memastikan generasi masa depan celik huruf.

Dibantu anak tunggal Jesse Ebenezei, 23, pengusaha Tadika Cendikia Intelek itu mengambil murid baharu tidak kira kaum dan agama. Bukan seorang dua tetapi lebih 20 kanak-kanak semuanya.

"Saya minta tolong ketua kampung dan persatuan penduduk cari orang susah yang mahu sekolahkan anak tetapi tidak mampu bayar yuran prasekolah.

"Kebanyakan berusia enam tahun. Tahun depan masuk darjah satu tetapi ketinggalan prasekolah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bila masuk sekolah, tidak ada asas langsung. Ini yang kita risau, kasihan,"

> "Saya tiada wang untuk tolong orang susah. Hanya mampu beri pendidikan sahaja kerana pendidikan awal penting untuk murid yang akan masuk darjah satu

katanya kepada Selangorkini baru-baru ini.

Christinea yang berpengalaman 23 tahun dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak membuka tadika pada 2015. Tahun pertama operasi agak suram. Hanya tiga murid mendaftar. Beliau terpaksa menghabiskan banyak wang simpanan. Mujur wanita itu ada pendapatan sampingan sebagai perunding pengurusan pejabat.

Menjelang tahun kedua, bilangan bertambah kepada 10 orang. Christinea yang pernah menjadi pengetua tadika selama 18 tahun memperhebat pemasarannya menjelang musim persekolahan 2017.

Usahanya berhasil. Lebih 80 murid mendaftar. Dibantu empat kakitangan terlatih, beliau memperluas perkhidmatan kepada penjagaan selepas sekolah dan kelas tuisyen darjah satu hingga enam. Tadika di Desa Latina, Shah Alam itu yang dibuka menggunakan hasil wang simpanan selain pinjaman RM5,000 daripada Hijrah Selangor kian dikenali ramai.

Namun, pelaksanaan PKP pada awal 2020 banyak menjejas pendapatannya. Kebanyakan ibu bapa bekerja di rumah dan tidak lagi menghantar anak ke tadika. Justeru, tiada kutipan yuran. Perkhidmatan penjagaan harian juga mengalami nasib sama.

Jimat cermat

Natijahnya, Christinea dan Jesse terpaksa ikat perut dan hidup berjimat cermat. Mujur pinjaman Hijrah Selangor membantu mereka membiayai kos operasi tadika terutama bayaran bil dan sewa premis.

"Saya buat pinjaman Hijrah dua kali, awal 2020 sebelum PKP yang pertama sebanyak RM5,000 untuk beli peralatan dan perabot. Kali kedua tahun ini sebanyak RM10,000 untuk bayar bil tertunggak dan membiayai operasi," katanya.

Apabila sekolah boleh dibuka semula menjelang Julai 2020 dengan tatacara operasi piawai (SOP) ketat, ia tidak melenyapkan keresahan Christinea. Hanya beberapa murid kembali ke tadika. Ramai ibu bapa bimbang dengan keselamatan anak. Lebih-lebih lagi, ada tidak lagi mampu membayar yuran akibat hilang kerja atau pendapatan terjejas.

Christinea bersimpati terhadap murid yang tidak mendapat pendidikan prasekolah. Ini mencetuskan ilham kepadanya mengajar dalam talian kepada keluarga kurang berkemampuan. Lebih 20 murid mengikuti kelas dalam talian sepanjang PKP.

Selepas lebih banyak kelonggaran termasuk pembukaan semula hampir semua sektor, Tadika Cendikia Intelek kembali menerima kehadiran murid. Walau bilangannya tidak seramai sebelum PKP, ia melegakan Christinea. Pun begitu, pendidikan percuma tetap diteruskan.

"Saya tiada wang untuk tolong orang susah. Hanya mampu beri pendidikan sahaja kerana pendidikan awal penting untuk murid yang akan masuk darjah satu," katanya.

Beliau juga menyambut Hari Krismas secara ala kadar. Malah tahun lalu, perayaan dirai dengan terperap di rumah bersama anak tunggalnya, tidak ke gereja seperti kelaziman. Namun, kemeriahan tetap dirasai.

Daging

Oleh : **A'RIFF MUSTAFFA HAMZAH**
Ilustrasi :**FAHMI MUSTAFFA**



Di meja makan di sebuah apartmen, tiga orang gadis kelihatan sedang asyik menikmati stik daging. Misa menghirisnya dengan hati-hati sebelum menyuap ke dalam mulut. Pisau berlaga dengan pinggan mewah. Jus terembes. Sos lada hitam cair menjadi gandingan sempurna. Isinya lembut, mudah dikunyah. Medium rare. Ketulan daging menyusuri kerongkong. Sedikit demi sedikit. Klimaks meletus dalam dada.

Dua teman karibnya, Jenab dan Ros tidak banyak cakap. Kedua-duanya dipukau hidangan paling lazat seumur hidup mereka. Kenikmatan tidak tertanding oleh daging-daging lain yang pernah melewati perut selama ini. Ini kali ketiga dalam tempoh seminggu mereka sama-sama menyantap stik yang disediakan Misa.

"Oh my goat. Stik hari ni is better than semalam," puji Jenab. Ros ingin bercakap sesuatu, tetapi disebabkan mulutnya penuh, dia hanya mengangguk setuju. Misa tersenyum ringan. Dia tidak laparkan pujian. Stik dihabiskan perlahan-lahan. Pinggan licin dijilat. Tiada sisa tertinggal.

"Mana kau dapat daging ni, Misa? *Must be expensive*, kan? Daging import? Wagyu? Rusa? Llama?" tanya Jenab. Ros turut inginkan jawapan.

"Shhh.. Rahsia menjadikan seorang perempuan itu perempuan," terang Misa. Jari telunjuk dirapatkan ke bibir. Dia memetik ayat popular Vermouth, salah satu karakter dalam Detective Conan.

"*It's okay, babe. I know* mesti mahal. But paling penting, halal," kata Jenab sebelum menyuap hirisan kecil daging enaknya.

Selesai mengemas meja makan, mereka bertiga bersandar kekenyangan di sofa. Misa mengambil alat kawalan jauh. Televisyen dihidupkan.

[Persatuan pembekal memberi jaminan bekalan daging babi untuk seluruh negeri menjelang perayaan ini mencukupi. Sebanyak 350,000 tan metrik...]

Siaran beralih.

[Berita terkini. Seorang lelaki berusia 28 tahun dilaporkan hilang sejak minggu lepas. Kali terakhir mangsa dilihat berhampiran sebuah apartmen...]

Siaran berubah.

[Masa diberikan ialah 45 minit. Anda perlu menyiapkan hidangan berasaskan daging dengan hanya menggunakan bahan yang ada di rak. Adakah anda sudah bersedia?]

Siaran bertukar lagi.

[Mentadak mentadu betina albino itu terus agresif menyerang pasangannya yang cedera parah. Mentadak mentadu jantan tidak berdaya lagi. Ia bakal menjadi santapan tengah hari...]

Televisyen terus melayarkan imej ketika masing-masing mencapai telefon bimbit yang menyedut mereka ke dalam media sosial. Jari dan mata meluncur seragam. Mereka membaca cerita-cerita yang terpapar dalam media sosial. Status terkini kenalan dan manusia asing. Perkongsian demi perkongsian. Video-video tular. Berita palsu dan benar saling bercampur dan bergaul sebati.

"Kau orang tengok ni," kata Misa sambil menghulurkan telefon bimbit. Dua rakannya itu berebut-rebut melihat skrin.

"Aku dah agak. Sepatutnya dari dulu lagi Sue dengan jantan tu putus." Ros memberi komen.

"*So stupid*. Dah tahu perangai boyfriend dia macam tu, *but still* bersama," balas Jenab. Dia mencungkil sisa daging yang melekat pada gigi dengan kuku merahnya.

"Dasar buaya. Lelaki memang tak boleh percaya. Semua sama," balas Ros, sambil membuat muka jengkel. Asap perisa tembikai susu berkepul-kepul keluar dari rongga mulut Ros sebelum rokok elektronik dihulurkan semula kepada Misa.

"Aku rasa, Sue lagi suka bila putus. Dia dah habis perah segala harta lelaki tu. Selama ni dua-dua saling memanfaatkan sesama sendiri. Alah, Sue pun bukannya baik sangat," sambung Ros lagi.

"*Yeah. Your bestfriend*lah tu, Ros."

"Ah, kau."

"*But* betul, kan? Kau rapat dengan dia *since* zaman kolej dulu. Sekolah pun sekali, kan?"

"Mana ada. Tak serapat yang kaufikir. Tapi itu cerita dulu. Cerita sekarang, aku dengar orang cakap, dia tak balik kampung masa emak dia mati bulan lepas."

"*Wh.. What? Useless daughter*." Jenab memberi reaksi terkejut yang berlebihan.

"Mana taknya, sibuk menyundal sana-sini. Pantang jumpa laki dahi licin muka K-Pop. Eww.. *I* tak suka lelaki muka K-Pop. *By the way*, Sue tukar *boyfriend* macam tukar *underwear. But* sesuailah tu, dev.. div.. emm... syaitan jumpa syaitan," sambung Jenab. Dia mengangkat bahu serentak dengan kening runcingnya.

"Wah, ayat... Dahsyat. Mana kau tahu?" Misa mencelah. Matanya masih tertumpu pada skrin telefon.

"*I know*lah. Zaman *now* mana ada rahsia yang boleh sembunyi. Aku kenal sangat jantan tu. *Playboy* besar. Ramai *girls* yang jadi mangsa dia. Aireen, Suzie, Karina, Ayu. Siapa lagi? *I lost count*."

Jenab berapi-api geram. Misa senyum kelat.

"Jantan keji, tak guna. Sue pun sama. Tak guna. Kau kecamlah sikit di IG dia. Ada gambar baru dia pergi melancong. Kononnya tengah menenangkan fikiranlah tu." Ros memberi cadangan.

"*Yeah. Wait and see. Beach like her* kena ajar sikit, baru sedar diri."

Mereka senyum puas sesama sendiri tanda setuju sebelum kembali mendayung di lautan maya.

Jenab klik untuk memainkan video. Iklan yang tidak dapat dilangkau mendahului video yang ingin ditonton. Dengan berat hati dia menanti iklan itu habis.

[Lapisan daging yang empuk, dilimpahi sos lada hitam asli. Resipi terbaru yang pastinya membuatkan anda terbayang-bayang dalam mimpi. Cubalah sekarang.]

Bunyi daging dipanggang atas kuali membuatkan air liurnya kembali kecur. Dia membayangkan rasa daging itu seperti yang dijamahkan sebentar tadi. Rasa daging yang sungguh luar biasa.

Jenab masih sedang mengeluarkan sisa daging di gigi. Perutnya memang sudah penuh, tetapi keinginan terhadap daging yang dinikmati masih berkocak dalam jiwa. Tidak cukup dengan kepingan stik sebesar tapak tangan itu. Dia mahukan lagi. Jika perlu dibayar dengan harga mahal, dia sanggup asalkan dapat merasai semula daging sesedap dan selazat itu.

Kau tak ada ais krim ke, *babe*? Kenyang macam ni lagi *heaven* kalau ada *desert*.. emm *des.. dessert*," tanya Jenab.

Misa mengisyaratkan kepala ke arah peti ais. Jenab faham. Dia segera ke dapur langsung membuka pintu peti ais. Pandangannya membatu sebelum jatuh terduduk. Lututnya lembik. Wajahnya seperti terserempak penanggal.

Di sebelah bekas aiskrim vanila dalam bahagian sejuk beku, tersusun kemas sesuatu yang mengejutkan. Ada seketul kepala, beberapa bahagian organ yang tidak dapat dikenal pasti dan kepingan-kepingan daging yang dipotong setebal satu inci.

"Ga.. gapo dio mu wi aku make ni?" tanya Jenab separuh menjerit. Muka pucat.

Misa mengangkat kepala. Ros tertanya-tanya lalu segera menuju ke arah Jenab yang bersimpuh atas lantai.

"Mi.. Misa!" Giliran Ros pula terjelepuk longlai.

Misa senyum sumbing. Dia bersandar sambil melepaskan asap rokok elektronik dengan penuh gaya, seakan bersedia dengan seribu jawapan.

Bulan tidak lagi mengambang

bulan berenang di samudera
meninggalkan
langit pecah

sang pemabuk bulan terhuyung-hayang
melanggar dinding malam
terluka cahaya

kalbu yang terluka
mengambang gerhana
bulan lemas
di musim tengkujuh
cahaya tenggelam di dasar jauh

semusim membeku
bulan tidak lagi menutup malam
cahaya jatuh ditelan gelombang.

Baharuddin Sairi

Sukarelawan membersihkan Masjid Al-Ihsan di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat yang dilanda banjir pada 20 Disember. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Tangguh bayaran pinjaman dua bulan

Moratorium legakan usahawan Hijrah

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

SHAH ALAM - Usahawan Hijrah Selangor menyambut baik pengumuman penangguhan bayaran balik pinjaman selama dua bulan kepada peminjam yang terkesan akibat banjir.

Pengusaha perniagaan alat ganti suspensi kereta, Rosniza Rohani, 44, berkata langkah Kerajaan Negeri itu melegakan kerana mengurangkan tekanan perbelanjaan semasa proses memulihkan perniagaan.

"Walaupun kedai saya tak kena banjir tetapi terjejas teruk juga kerana semua pekerja untuk kerja-kerja pemasangan alat ganti terperangkap dalam banjir.

"Kesemua mereka saya berikan cuti bergaji, bantuan ihsan kewangan dan gaji diawalkan untuk ringankan beban mereka," katanya pada 23 Disember.

Pemilik perusahaan kuih kapit, Shafinaz Ainaa Muslim, 36 pula menyifatkan keputusan memberi moratorium itu memberi kelegaan kepada usahawan Hijrah yang terjejas akibat banjir.

"Saya cukup faham perasaan mereka bila dengar pengumuman seperti ini kerana saya pun pernah lalui detik sukar apatah lagi peminjam yang terlibat banjir ini.

"Ada antara mereka kerugian berpuluh ribu dan ini sangat membantu mereka," katanya yang pernah menerima Anugerah Usahawan Sukses Hijrah Selangor.

Pada 21 Disember, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan penangguhan bayaran pinjaman selama dua bulan kepada usahawan Hijrah Selangor yang terjejas dengan kesan kewangan RM15 juta.

Sukarelawan bersihkan sampah pukal

SHAH ALAM - Khidmat sukarelawan diperlukan bagi mempercepat operasi pembersihan sampah pukal di kawasan terjejas banjir, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata mereka juga dapat membantu mengangkut sampah dari rumah penduduk yang tidak dapat diakses lori.

"Sekarang bukan masalah di luar kerana sampah sudah dibersihkan semalam, namun masih berlonggok di lorong, jadi selagi tidak dikeluarkan, selagi itu pembersihan tidak selesai.

"Saya harap selain bantuan makanan dan selamatkan mangsa, sukarelawan juga boleh bantu keluarkan barang dari rumah di lorong kecil untuk diuruskan KDEB Waste Management (KDEBWM)," katanya pada 23 Disember.

Beliau ditemui selepas meninjau operasi pembersihan KDEBWM pascabanjir di Jalan Mat Raji, Padang Jawa, Seksyen 16 di sini.

Terdahulu, Amirudin memaklumkan sebanyak 600 tan metrik sampah pukal diangkut dari kawasan itu sejak 20 Disember dan menjangka proses pembersihan selesai antara satu hingga dua minggu.

30 masjid, 60 surau terjejas teruk

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengenal pasti 30 masjid, 60 surau dan 30 sekolah agama terjejas teruk akibat banjir.

Pengarah Jais Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata hampir keseluruhannya mengalami kerosakan dan memerlukan penyelenggaraan segera.

"Jabatan ini menjangkakan angka masjid, surau dan sekolah terlibat akan menjadi lebih besar ekoran paras air di beberapa daerah seperti Kuala Langat dan Kuala Selangor mula naik sejak pertengahan malam tadi," katanya pada 20 Disember.

Justeru, beliau berkata jawatankuasa khas JAIS peringkat negeri dan daerah ditubuhkan serta merta bagi menyelaras jenis dan bentuk bantuan kepada mangsa banjir melibatkan Majlis Agama Islam Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan dan Teraju Ekonomi Asnaf. – BERNAMA

Buat terusan, pam keluar air bertakung

SHAH ALAM - Penyediaan terusan dan mengepam air takungan dilakukan bagi menangani masalah banjir di Bukit Changgang, Kuala Langat.

Dato' Menteri Besar berkata ia adalah antara kaedah diambil dalam usaha menyelesaikan musibah berlaku di kawasan tersebut.

"Beberapa langkah tambahan dengan penyediaan terusan dan mengepam air yang bertakung telah berjaya surutkan air lebih pantas" kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 24 Disember.

Dua hari sebelum itu, beliau memaklumkan seramai 1,400 mangsa berjaya diselamatkan dan ditempatkan di beberapa pusat pemindahan sementara (PPS) antaranya Sekolah Rendah Agama Bukit Changgang dengan Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan keperluan asas.

Polis ke PPS bantu mangsa buat laporan

SEPANG - Mangsa banjir di daerah Sepang memuji langkah polis ke setiap pusat pemindahan sementara (PPS) dan kawasan terjejas banjir untuk membantu mangsa membuat laporan.

Jaafar Selamat, 64, berkata langkah itu amat memudahkan mangsa banjir yang tidak dapat ke balai polis membuat laporan kerana keadaan banjir kali ini amat teruk sehingga menyebabkan harta benda musnah sekelip mata.

"Saya masih tidak sempat ke balai polis kerana memikirkan nasib dan masih terkejut dengan musibah banjir yang menyebabkan semua harta benda musnah… paras air melepasi bumbung rumah ketika banjir pada 17 Disember. – BERNAMA

Enam kampung Orang Asli dibantu

KUALA LANGAT - Sebanyak 141 bakul makanan diagihkan kepada penduduk Orang Asli di enam perkampungan di Sepang dan Kuala Langat yang terjejas akibat banjir, kata EXCO hal ehwal Orang Asli.

Hee Loy Sian berkata kampung terlibat di dua daerah itu ialah Kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Kampung Orang Asli Tampoi Seberang, Kampung Orang Asli Bukit Serdang, Kampung Orang Asli Jambu, Kampung Orang Asli Kelinsing dan Kampung Orang Asli Bakok.

"Saya melawat Kampung Orang Asli Bukit Tampoi, Kampung Orang Asli Tampoi Seberang dan Kampung Orang Asli Bukit Serdang. Paling terjejas ialah Kampung Orang Asli Bukit Serdang kerana mereka terputus hubungan, tiada pengangkutan dan air setinggi paras dada.

"Ketika agihan bantuan dibuat, mereka meminta Kerajaan Selangor dan persekutuan menyumbang bantal, selimut, 'water jet pump' dan bot untuk kegunaan keluar dan masuk. Kita ambil maklum dan akan hantar bantuan secepat mungkin selewatnya esok (23 Disember) kerana perlukan masa membelinya," katanya pada 22 Disember.

Terdahulu, Loy Sian meredah banjir sejauh 1 km bertemu dengan penduduk Orang Asli di Kampung Orang Asli Bukit Serdang untuk mengagihkan bantuan keperluan harian.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan secara keseluruhan jumlah penduduk Orang Asli terkesan akibat banjir ialah 660 individu.

"Mereka yang terjejas akan dibantu daripada semua aspek termasuk sama ada ketika banjir mahupun pasca banjir," katanya.

AGIH... Anggota bomba membawa bantuan makanan untuk diagihkan kepada mangsa banjir di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam pada 21 Disember. Foto FIKRI YUSOF

Sedia dana tambahan

RM2 juta pulihkan semula Hulu Langat

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

HULU LANGAT - Sejumlah RM2 juta daripada peruntukan Selangor Bangkit disalur ke Hulu Langat bagi memulihkan semula sebahagian besar daerah itu yang terkesan banjir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana itu boleh digunakan mulai 24 Disember dan sebarang keperluan tambahan dibawa ke jawatankuasa khas negeri.

"Ini peringkat awal (sumbangan) kerana di sini ramai mangsa dan kesannya juga teruk. Sepanjang jalan kita lihat kesesakan, kerosakan dan runtuhan yang tiada di tempat lain," katanya pada 23 Disember.

Terdahulu, beliau meninjau dan mendengar taklimat banjir di daerah berkenaan di pusat pemindahan sementara Sekolah Kebangsaan Sungai Serai di sini.

Antara kawasan dilawati Amirudin ialah Sungai Layang dan Sungai Lui selain mendengar taklimat wakil Jabatan Kerja Raya berhubung tanah runtuh di Genting Peras.

Jauhi kawasan sungai

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di dalam kawasan sungai berhampiran empangan yang kini menunjukkan sedikit peningkatan pada paras dan kuantiti serta halajunya.

EXCO Infrastruktur dan Pertanian Ir Izham Hashim berkata meskipun situasi kemungkinan kejadian limpahan air sungai adalah minimum, namun langkah berjaga-jaga harus diambil, apabila berlakunya limpahan dan pelepasan air empangan.

"Apabila takungan di empangan-empangan mencapai tahap maksimum, lebihan air takungan akan melimpah (overflow) melalui alur limpah (spillway) dan disalurkan ke sungai berhampiran, namun kadar aliran adalah terkawal," katanya pada 23 Disember.

Untuk mendapatkan maklumat terkini status paras air empangan Selangor, orang ramai juga boleh melayari portal Integrated Water Resources Management Systems (IWRIMS) atau memuat turun aplikasi IWRIMS. – BERNAMA

NOTIS PEMAKLUMAN
PERTUKARAN ALAMAT RASMI PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

Mulai 1 Disember 2021, urusan rasmi dan surat-menyurat bagi pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI") adalah seperti berikut:

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
Tingkat 23, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: +603-5513 8898 No. Fax: +603 - 5510 0759
www.mbiselangor.com.my

Sekian, untuk makluman.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

MBI Selangor Bisnes Amal MBI Bisnes Amal MBI

Anwar meninjau mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Masjid Al-Ubudiah Teluk Gong, Klang pada 19 Disember. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Penyelarasan antara agensi kucar-kacir

Anwar: Persekutuan lambat bertindak

SHAH ALAM - Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim kesal berikutan kerajaan persekutuan lambat menggerakkan operasi penyelamat dan penyaluran bantuan ke lokasi terjejas banjir.

Beliau juga menyifatkan kerajaan persekutuan terutama Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) lembab manakala penyelarasan antara agensi tempatan kucar-kacir.

"Kelemahan-kelemahan utama berhubung tahap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi bencana kini terpampang jelas.

"Penyelarasan yang lemah antara pasukan sukarelawan dan angkatan tentera hanya menambah kekeliruan dan kekecewaan," kata ahli parlimen Port Dickson dalam kenyataan pada 21 Disember.

Anwar menganggap kegagalan itu sebagai malapetaka urus tadbir kerajaan persekutuan sekali gus menunjukkan tahap keupayaan sebenar pentadbiran 100 hari Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sambil membangkitkan isu kelewatan menggerakkan Angkatan Tentera Malaysia ke lokasi terjejas, beliau sebaliknya kagum dengan semangat kekeluargaan yang ditonjolkan penduduk berbilang kaum.

Beliau turut mengucapkan tahniah atas pelbagai inisiatif dan peruntukan bantuan RM100 juta yang digerakkan Kerajaan Selangor kepada mangsa banjir.

Pada 21 Disember, Kerajaan Negeri memperuntuk RM100 juta iaitu RM80 juta untuk pembinaan semula prasarana manakala baki untuk bantuan dan operasi pembersihan.

Dana itu meliputi bantuan RM10,000 kepada waris korban banjir manakala keluarga mangsa banjir menerima RM1,000 selain pengecualian bil air.

Bantuan mangsa banjir

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan sumbangan RM1,000 kepada setiap isi rumah yang terjejas akibat banjir.

Turut memberi cuti kecemasan kepada penjawat awam yang terjejas di beberapa negeri, beliau pada 19 Disember juga menyeru majikan swasta mengambil inisiatif sama, lapor Bernama.

Kerajaan persekutuan turut menyediakan peruntukan awal RM100 juta untuk pascabanjir bagi membaiki kerosakan rumah dan prasarana lain.

Pada 23 Disember, Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) pula berkata kerajaan persekutuan memberi RM5,000 untuk pengurusan kematian kepada waris mangsa yang terkorban akibat banjir.

Menurut Datuk Dr Aminuddin Hassim, syarat kelayakan melalui Bantuan Wang Ihsan antaranya warganegara dan memiliki kad pengenalan diri (MyKad) yang sah selain mendaftar nama berserta maklumat lengkap.

Sesi persekolahan ditangguh seminggu

KUALA LUMPUR -Sesi persekolahan penggal tiga 2021/2022 ditangguh selama seminggu susulan bencana banjir, kata Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin.

Katanya, negeri kumpulan A iaitu Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu akan memulakan persekolahan pada 9 Januri manakala kumpulan B iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan 10 Januari.

"Sepertimana yang diumumkan Kementerian Pendidikan sebelum ini, sesi persekolahan penggal tiga 2021/2022 bermula 2 Jan 2022 bagi Kumpulan A dan 3 Jan 2022 bagi Kumpulan B.

"Walau bagaimanapun (keputusan ini) mengambil kira situasi banjir semasa di seluruh negara yang melibatkan murid, ibu bapa, guru-guru, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"...juga melibatkan sekolah-sekolah sama ada sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) atau pun sekolah yang terjejas teruk," katanya menerusi hantaran video di Instagram rasmi beliau. – BERNAMA

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada perunding yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kajian berikut :-

PELAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (IRBM)LEMBANGAN SUNGAI KLANG (2022 - 2030) DAN LAPORAN *STATE OF RIVER REPORT* (SOR) LEMBANGAN SUNGAI KLANG 2020 BAGI LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

No. Tender	Kod Bidang	Tempoh Penjualan Tender	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
LUAS/T/06/2021	330101 atau 330207	23 Disember 2021 hingga 14 Januari 2022 **ISNIN – JUMAAT** 8.30 pagi – 4.30 petang	RM50.00	14 Januari 2022 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Perunding hendaklah mengemukakan sijil **Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

   Satu salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan LUAS semasa membeli dokumen. LUAS berhak menolak permohonan yang pada tanggapan LUAS tidak layak.

3. Dokumen Tender boleh diperolehi mulai 23 Disember 2021 (Khamis) di Tingkat 12, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Untuk maksud ini hanya penama atau wakil yang dinamakan oleh syarikat sahaja yang layak untuk membeli dokumen tender

4. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara Tunai / Bank Darft / Wang Pos atas nama Lembaga Urus Air Selangor. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender sahaja.

5. Dokumen tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di pejabat :-

   Pengarah
   Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
   Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
   No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
   40000 Shah Alam,
   Selangor Darul Ehsan

   Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

6. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

Agih 1,000 kotak kit ujian air liur

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mengagihkan 1,000 kotak kit ujian kendiri Covid-19 kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis pada 21 Disember.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor berkata bantuan itu sebahagian yang diperuntuk MBI untuk mangsa banjir di negeri ini.

Selain itu, 500 pek susu formula dan lampin pakai buang turut diagihkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) Kampung Jawa pada 20 Disember.

Sehari sebelumnya, bantuan makanan kering, tuala wanita, susu formula dan lampin pakai buang turut diagihkan ke PPS sama bersama wakil rakyat Sungai Kandis Ahmad Zawawi Ahmad Mughni.

MBI juga mengagihkan ratusan kotak makanan kering kepada beberapa PPS lain antaranya Sekolah Kebangsaan Desa Penggiran Putra, Sepang dan Seksyen 16, Shah Alam.

MBI turut menyalurkan bantuan susu, pampers dan selimut untuk pusat pemindahan sementara pada 19 Disember. Foto MBI

Team Selangor agih pek makanan

SHAH ALAM - Sukarelawan Team Selangor mengagihkan 2,325 beg makanan kepada penduduk negeri ini yang terjejas akibat banjir teruk setakat 22 Disember.

Ketua Sekretariat Syahaizel Keman berkata seramai 100 anggota sukarelawan digerakkan bagi menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan berkenaan.

"Team Selangor turut menerima khidmat bantuan para sukarelawan daripada Angkatan Mahasiswa dan Universiti Malaya.

"Turut serta membantu ialah beberapa kumpulan seperti Amal Crew dan Persatuan Mahasiswa Selangor," katanya.

Pada 18 Disember lalu, Kerajaan Negeri menggerakkan pasukan sukarelawan termasuk Team Selangor bagi membantu proses menempatkan penduduk yang terjejas ke pusat pemindahan sementara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pasukan sukarelawan turut mengagihkan bantuan awal kepada mangsa.

Tourism Selangor bantu ringan beban

SHAH ALAM - Tourism Selangor mengagihkan bantuan kewangan, bakul makanan dan barangan asas kepada kakitangannya yang terkesan banjir, baru-baru ini.

Agensi pelancongan itu turut mengagihkan 500 pek makanan kepada mangsa banjir di Hulu Langat iaitu Kampung Bukit Dukung, Kampung Sungai Sekamat, Kampung Sri Jambu dan Kampung Baru Batu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Azrul Shah Mohamad berkata pihaknya prihatin terhadap cabaran dihadapi rakyat susulan bencana itu khususnya di negeri ini.

"Saya berharap keadaan pulih seperti sedia kala dalam masa terdekat," katanya.

Bantu ringan beban mangsa bah

Wakil rakyat, PBT ganding bahu

Oleh **NUR AISHAH MOHD AMIN**

SHAH ALAM - Wakil rakyat, pihak berkuasa tempatan dan sukarelawan Selangor berganding bahu menghulur bantuan kepada penduduk yang terjejas akibat banjir luar biasa sejak 19 Disember.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bantuan termasuk pek makanan dan keperluan asas ke semua pusat pemindahan (PPS) di negeri ini.

"Selain agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, pasukan sukarelawan Selangor Lestari by Team Selangor dan SERVE turut membantu usaha mengedarkan makanan dan keperluan asas ke semua PPS yang menempatkan mangsa banjir," katanya pada 20 Disember.

Sehari sebelumnya, wakil rakyat Batu Tiga Rodziah Ismail mengagih pek penjagaan kebersihan diri kepada penduduk Seksyen 19 di sini yang pulang semula ke rumah.

Wakil rakyat Bandar Baru Klang Dato' Teng Chang Khim pula berterima kasih kepada sukarelawan dan penderma yang membantu menjaga keperluan 3,000 mangsa di empat pusat pemindahan.

"Teruskan usaha sehingga semua mangsa selamat pulang ke rumah," katanya.

Pada 20 Disember wakil rakyat Kota Anggerik Najwan Halimi pula mengagihkan 150 pek makan malam dan air mineral kepada penduduk Taman Mutiara Bukit Raja, Klang yang terjejas akibat banjir.

"Walaupun hujan telah berhenti, namun air banjir masih belum surut sepenuhnya," katanya.

Hari yang sama, Ahli Dewan Negeri Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze pula menyumbangkan alat ujian kendiri dan pelitup muka kepada mangsa banjir di PPS Masjid Darul Ehsan.

"SOP (tatacara operasi piawai) di sini cukup memuaskan hati. Setiap orang perlu disaring sebelum ditempatkan," katanya.

Unisel sedia 300 sukarelawan

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) pada 21 Disember menggerakkan seramai 300 orang sukarelawan bagi misi bantuan pasca banjir ke kawasan-kawasan yang terjejas.

Pengarah komunikasi korporat Hasril Abu Hassan berkata misi diketuai Presiden dan Naib Canselor Unisel, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman membantu membersih rumah mangsa banjir selain menyerahkan bantuan kewangan.

Katanya, misi tersebut menumpukan beberapa kawasan terjejas antaranya di Bestari Jaya, Sungai Kandis dan Padang Jawa.

"Buat masa ini, Unisel kampus Bestari Jaya masih selamat dan tidak terjejas. Meskipun begitu, semua pelajar yang berada di dalam kampus telah diberikan pelbagai bantuan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar," katanya.

Turut menyalurkan bantuan Ahli Dewan Negeri Permatang Rozana Zainal Abidin, Penggerak Belia Selangor (PeBS), Angkatan Muda Keadilan serta pasukan pertubuhan bukan kerajaan.

Anggota LUAS bersama agensi lain membantu menghantar makanan dan memindahkan mangsa banjir di sekitar Shah Alam menggunakan bot. Foto LUAS

LUAS redah bah hulur bantuan

SHAH ALAM - Seramai 20 kakitangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menyertai misi bantuan mangsa banjir sekitar Taman Sri Muda, Seksyen 25, Seksyen 23, Seksyen 19 dan Kota Kemuning di sini.

Mereka membantu daripada segi penghantaran bekalan makanan dan logistik memindahkan mangsa ke pusat penempatan sementara mulai 18 Disember.

"Mereka turut membantu membawa keluar jenazah penduduk di Seksyen 19 dipercayai akibat lemas," menurut Facebook LUAS.

Operasi dua hari itu turut melibatkan Majlis Bandaraya Shah Alam, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor dan polis.

Misi bantuan tersebut diteruskan ke Genting Sanyen dan Bukit Changgang, Kuala Langat.

Sedia 2,000 makanan sehari

Warga PKPS masak untuk mangsa banjir

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Warga kerja Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor bergotong-royong menyediakan 2,000 makanan tengah hari untuk diagih kepada mangsa banjir di sekitar bandar raya ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata sebanyak RM3,000 diperuntukkan sehari bagi menjayakan program melalui Dapur Ehsan sehingga situasi banjir pulih sepenuhnya.

Beliau menjelaskan inisiatif tersebut selaras seruan Kerajaan Negeri untuk membantu meringankan beban mangsa bencana itu sejak 17 Disember.

"Untuk permulaan, makanan siap dimasak akan diedarkan Majlis Bandaraya Shah Alam di pusat pemindahan sementara dan lokasi banjir.

"Selain itu, kerjasama akan dijalin dengan agensi persekutuan termasuk Jabatan Kemajuan Masyarakat bagi melancarkan misi bantuan ini," katanya ditemui di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar di sini pada 21 Disember.

Beliau berkata bekalan bahan mentah untuk melaksanakan program terbabit diperoleh dari ladang Selangor Fruit Valley selain sumbangan barangan penyewa dan pemborong Pasar Borong Selangor.

"Kos pelaksanaan program tidak terlalu tinggi kerana menggunakan produk keluaran sendiri antaranya ayam, daging dan telur," katanya.

Ella agih 300 pek makanan

SHAH ALAM - Kesusahan mangsa banjir di Batu Tiga di sini mendapat perhatian ratu rock tanah air, Ella.

Nama sebenar Norzila Aminuddin, 55, penyanyi lagu Sepi Sekuntum Mawar Merah dan Sembilu menghulur 300 pek makanan kepada Bilik Gerakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga pada 19 Disember.

Perkara itu dikongsikan wakil rakyat kawasan itu Rodziah Ismail melalui Facebook yang berterima kasih atas sumbangan penyanyi berkenaan.

"Terima kasih Ella. Dia beri makanan sedia dimakan iaitu terubuk steam jenama Timore, jadi tidak perlu masak," kata Rodziah yang juga EXCO Kerajaan Negeri.

Hujan lebat luar biasa sejak 17 Disember, lebih dua kali ganda taburan tertinggi sebelum ini iaitu kira-kira 180mm, mengakibat banyak lokasi di Selangor ditenggelami air.

Semua aset Kerajaan Negeri dan agensi persekutuan termasuk bomba, polis dan tentera dikerah bagi memindahkan mangsa ke tempat selamat selain mengagih barang keperluan asas.

Usaha berkenaan diselaras Smart Selangor Operations Centre (SSOC) yang beroperasi 24 jam, berpusat di Ibu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sedia bas hantar mangsa balik rumah

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan perkhidmatan bas untuk membawa pulang mangsa banjir ke kediaman masing-masing dari pusat penempatan sementara (PPS).

Pihak berkuasa tempatan itu pada 22 Disember memaklumkan mangsa hanya dibenarkan balik setelah kawasan rumah mereka disahkan selamat.

Perkhidmatan percuma itu melibatkan lima PPS iaitu Dewan Kenanga Seksyen 28, Ciast Seksyen 19, Politeknik Shah Alam, Masjid Negeri dan Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah 2 Seksyen 28.

MBSA turut mengagih bekalan makanan dan barangan asas kepada mangsa banjir yang terkesan di sekitar Shah Alam.

Paip IWK pecah punca tanah runtuh

SHAH ALAM - Insiden paip pecah menyebabkan tanah runtuh berhampiran Pangsapuri Teratai di Bandar Baru Selayang, Gombak pada 18 Disember.

Majlis Perbandaran Selayang memaklumkan pemeriksaan awal mendapati paip Indah Water Konsortium Sdn Bhd pecah pada jam 9 malam, lapor Berita Harian.

"Tindakan awal Unit Cerun Jabatan Kejuteraan MPS adalah menutup paip itu dan airnya dilencongkan ke longkang berdekatan.

"Kita akan meratifikasi kejadian itu secara menyeluruh selepas situasi hujan lebat dan banjir kembali reda. Saya turut dimaklumkan tiada mangsa cedera akibat kejadian berkenaan," kata jurucakap MPS.

Pada hari sama, tanah runtuh turut berlaku di bahu jalan berdekatan Tahfiz Al-Munawarah, Taman Melawati dan Jalan Bunga Anggerik Dataran Ukay, Hulu Klang, Ampang.

Lebih 56,000 terjejas wabak dibantu

SHAH ALAM - Lebih 56,000 individu yang terjejas akibat Covid-19 menerima manfaat program Zakat Selangor Peduli (ZSP), kata Mohd Sabirin Mohd Sarbini.

Ketua divisyen operasi Bahagian Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) berkata bantuan sejak Julai merangkumi 19 inisiatif itu melibatkan kos kira-kira RM60 juta setakat ini.

"Bantuan tidak hanya kepada asnaf, sebaliknya orang awam yang terjejas. Antara bantuan adalah pemberian RM500 kepada individu sebanyak tiga kali dan bayaran sewa rumah," katanya pada 16 Disember.

Katanya, LZS turut membantu lebih 200 maahad tahfiz dari segi pembayaran sewa, bil air dan elektrik selain menjayakan proses nyahkuman surau dan masjid selain bantuan makanan kering kepada pasukan barisan hadapan

Julai lalu, LZS mengumumkan peruntukan RM69.3 juta bagi menjayakan program ZSP yang mengandungi 19 inisiatif bantuan dan memanfaatkan 59,322 penerima serta 431 institusi.

Ramai diminta derma darah

SHAH ALAM - Pusat Darah Negara (PDN) meminta orang ramai tampil menderma darah yang dijangka mengalami penurunan bekalan semasa cuti sekolah dan perayaan.

Menerusi kenyataan media, orang ramai diminta menderma darah di PDN dan tabung darah seluruh negara.

Orang ramai boleh melayari Facebook PDN dan tabung darah negeri untuk maklumat lanjut.

Tidak perlu pinda had umur kahwin

KUALA LUMPUR -Tiada keperluan untuk meminda had umur minimum perkahwinan bagi perempuan beragama Islam daripada 16 kepada 18 tahun setakat ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Idris Ahmad.

Beliau berkata hal itu ditetapkan dalam satu mesyuarat pada 22 September setelah mengambil kira pandangan daripada negeri-negeri.

"Berdasarkan maklum balas dan pandangan yang diterima, kebanyakan negeri secara dasarnya bersetuju mengekalkan had umur sedia ada sebagaimana yang termaktub dalam undang-undang keluarga Islam negeri masing-masing," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada 16 Disember. – BERNAMA

Bantuan RM500 buat anak yatim dipuji

SHAH ALAM - Pelbagai pihak menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri memberi sumbangan RM500 kepada anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

Namun, mereka berharap kaedah penyaluran bantuan wang tunai diperkemas bagi mengelak kemungkinan salah guna individu tidak bertanggungjawab.

Pemilik Rahoma Darul Fakir Dato' Faridah Omar Shah berkata Kerajaan Negeri perlu menjelaskan sama ada wang itu disalur terus kepada anak yatim atau penjaga.

"Inisiatif ini bagus dan ia bukti Kerajaan Selangor prihatin dengan nasib rakyatnya tetapi bagaimana wang itu disalur kita tidak tahu," katanya.

Faridah mencadangkan golongan tersebut diletakkan di rumah jagaan anak yatim yang berdaftar bagi memastikan masa depan mereka lebih terjamin.

"Di mana mereka tinggal selepas ibu bapa meninggal dunia, itu perlu diberi perhatian. Kerana belum tentu ada saudara mara mampu jaga terutama jika anak yatim itu ada adik-beradik ramai," katanya.

Pengetua Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras Jamaluddin Wahab pula mengangap inisiatif Kerajaan Selangor itu membantu anak yatim membeli keperluan asas.

"Namun, saya cadang wujudkan kad seperti kad Kasih Ibu Smart Selangor. Mudah untuk mereka beli makanan atau kelengkapan belajar setiap bulan. Hanya pergi kedai dan tunjuk kad," katanya.

Menerusi Belanjawan Selangor 2022, sumbangan kewangan RM1.25 juta disediakan kepada anak yatim yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

Sebanyak RM500 diperuntuk kepada setiap penerima sekali gus memanfaatkan 2,500 anak yatim.

Pastikan lebih ramai individu dibantu

LZS sasar kutip zakat RM1 bilion

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjangka kutipan zakat tahun ini mengatasi sasaran RM970 juta sekali gus membantu lebih ramai asnaf dan golongan terjejas.

Ketua pegawai eksekutifnya berharap jumlah itu mencecah hingga RM1 bilion, bersamaan perbelanjaan agensi berkenaan untuk membantu dan menjalankan program kebajikan.

Saipolyazan M Yusop menjelaskan angka itu perlu berikutan pertambahan penerima bantuan selain asnaf berikutan ramai menjadi 'miskin sementara' akibat Covid-19 sejak awal tahun lalu.

"LZS yakin momentum sekarang boleh melepasi kutipan tahun lalu, RM913 juta dan sasaran (RM970 juta) kerana keperluan perbelanjaan zakat kita berjumlah RM1 bilion," katanya pada 17 Disember.

Jelasnya, agihan meliputi RM200 juta bayaran bulanan kepada asnaf, serahan makanan kepada 14,000 rumah, bantuan sewa rumah 12,000 asnaf, RM32.6 juta kepada 66,000 murid dan kewangan kepada tahfiz.

Saipolyazan berkata usaha memperhebat kutipan dibuat dengan mengadakan program seperti kempen My2.5 bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat dan mengagihkan kepada golongan memerlukan.

"Kempen itu membawa mesej setiap zakat dibayar walaupun sedikit namun ertinya besar buat penerima.

"Menyedari ramai membayar pada Disember, LZS membuka kaunter setiap hari dan melanjutkan operasi hingga 8 malam pada 29 hingga 31 Disember," katanya.

Beliau juga menggalakkan bayaran zakat dalam talian melalui fpx.zakatselangor.com.my

Jangka asnaf bertambah hingga 70,000

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjangka bilangan asnaf negeri ini meningkat hingga 70,000 individu pada tahun hadapan.

Ketua Divisyen Operasi Bahagian Asnaf Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata anggaran itu mengambil kira situasi pandemik Covid-19 dan pertumbuhan ekonomi ketika ini.

"Pada 2019, bilangan asnaf antara 54,000 hingga 56,000 orang. Jumlah meningkat pada 2020 kepada 58,000 selepas wabak dan mencecah 64,000 tahun ini.

"Pandemik memberi kesan kepada asnaf sedia ada, malah yang bukan fakir sebelum ini jatuh ke kategori itu akibat hilang pekerjaan dan perniagan tidak sebaik sebelum ini," katanya pada 16 Disember.

Sebagai persediaan menghadapi peningkatan bilangan itu, Mohd Sabirin berkata LZS melaksanakan beberapa langkah kawalan bagi mengelakkan sebarang isu.

"Kita fokus kepada empat asnaf iaitu fakir, miskin, amil dan mualaf dengan peruntukan 70 peratus kutipan khas untuk kumpulan ini. Kita tidak mahu ada tercicir terima bantuan.

"Kedua, kita ikut maqasid syariah iaitu dahulu bantuan keperluan hidup seperti makanan dan tempat tinggal. Barulah kita beri bantuan lain seperti pendidikan," katanya.

Empat sekolah dapat kit cegah Covid-19

SHAH ALAM - Empat sekolah vernakular di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa menerima alat pencegahan Covid-19 sebagai persediaan sesi persekolahan tahun hadapan.

Sekolah berkenaan ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Taman Sentosa, SJKT Ladang Highlands, SJKT Ladang Batu Ampat dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Hin Hua.

Wakil rakyat Sentosa Dr G Gunarajah berkata setiap sekolah menerima 1,000 pelitup muka, 100 kit ujian kendiri serta 100 pelindung muka (face shield).

"Sumbangan untuk pelajar dan guru ini mampu mengurangkan jangkitan Covid-19. Kita cuba memudahkan urusan sekolah dalam menjaga keselamatan dan kebajikan semua warganya.

"Keperluan diserah kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta pengurusan sekolah. Semoga usaha ini dapat melindungi mereka," katanya pada 16 Disember.

Selain itu, Gunarajah menghargai bantuan prasarana berjumlah RM23.2 juta yang diperuntuk Kerajaan Selangor tahun ini kepada 637 sekolah termasuk SJKT dan SJKC.

EXCO Pelancongan Hee Loy Sian (belakang dua dari kiri) menyampaikan trofi kepada pasukan Meraki yang menjuarai kategori kelas satu Kejohanan Regatta Antarabangsa Raja Muda Selangor (RMSIR) edisi ke-31 di Langkawi, Kedah

Pertama kali bertanding

Meraki ungguli lumba kapal layar

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

LANGKAWI - Pasukan Meraki yang diketuai pelayar elit negara Khairulnizam Mohd Afendy menguasai kategori kelas satu Kejohanan Regatta Antarabangsa Raja Muda Selangor (RMSIR) edisi ke-31.

Dianggotai 12 kru, pasukan membawa kapal jenis Mills 41 menewaskan juara bertahan The Next Factor dalam tujuh perlumbaan mencabar sejak 11 Disember.

Sebanyak 10 kapal layar berentap sempena RMSIR 2021 dalam kategori kelas satu hingga empat.

Selain Meraki, kapal lain bertanding dalam kelas satu antara The Next Factor dan Uranus manakala kelas dua meliputi Insanity, Gloki D Acqua, Nijinsky serta VG Offshore.

Kelas tiga pula kapal Marikh dan Dash sementara Candice 11 menjadi wakil tunggal bagi kelas empat.

Perlumbaan lapan hari membabitkan empat perhentian antaranya Pelabuhan Klang, Pulau Pangkor, Pulau Pinang dan Pulau Langkawi.

RMSIR dianjur mulai 1990 hasil cetusan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama Dato' Johan Ariff dan Jonathon Muhiudeen.

Khairulnizam, 27, berkata kejayaan itu membanggakan berikutan pertama kali mereka menyertai kejohanan kapal layar kedua tertua di Asia dan paling sukar di Asia Tenggara selain saingan sengit daripada lawan.

"Alhamdulillah, pasukan kami dinobatkan juara dalam edisi kali ini yang juga penyertaan sulung Meraki. Sepanjang seminggu, kami melalui cabaran cukup getir dengan keadaan angin kuat dan berombak besar katanya ketika ditemui selepas majlis penutup RMSIR di Royal Langkawi Yacht Club (RYLC) di sini pada 19 Disember.

Hadir sama EXCO Pelancongan Hee Loy Sian, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Azrul Shah Mohamad, Pengerusi RMSIR Jeff Harris dan Pengarah Eksekutif RYLC Azlan Abdullah.

FAS Soccer School sasar penyertaan

SHAH ALAM - Program Soccer School anjuran Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) diteruskan pada 2022 dengan menyasarkan lebih banyak penyertaan untuk beberapa tahun akan datang.

Ketua programnya Kanason Rajagobal berkata pihaknya berhasrat meningkatkan kualiti program dan ilmu pembangunan bola sepak akar umbi selain menambah bilangan jurulatih.

"Apabila bilangan sekolah berdaftar meningkat, maka bilangan jurulatih juga akan bertambah sekali gus mewujudkan rangkaian jurulatih yang kukuh.

"Jika kita ada empat jurulatih di setiap sekolah dan 20 sekolah ambil bahagian, kita akan miliki 80 jurulatih. Pemindahan ilmu daripada rangkaian ini akan menjadi mantap," katanya pada 15 Disember.

Kanason berkata program itu bukan memilih bakat terbaik tetapi membangunkan minat lebih ramai kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dalam bola sepak.

Menurutnya, peserta didedahkan teknik antaranya berlari dengan bola, menendang, menjaring dan membuat hantaran berbanding bermain untuk menang.

"Antara program dalam tempoh sebulan, kanak-kanak berlatih dua atau tiga minggu kemudian dua minggu permainan serta pertandingan," katanya.

Sejak dilancarkan pada September 2019, lima sekolah terlibat dalam program FAS Soccer School bagi menyediakan kanak-kanak dengan latihan bola sepak secara konsisten.

Program itu ditangguh seketika berikutan pandemik Covid-19 tetapi diteruskan semula pada tahun depan dengan sasaran lebih banyak sekolah terlibat.

Regatta lebih meriah tahun depan

LANGKAWI - Kejohanan Regatta Antarabangsa Raja Muda Selangor (RMSIR) edisi ke-32 tahun depan dijangka menarik lebih 30 penyertaan dari dalam dan luar negara.

EXCO Pelancongan Hee Loy Sian berkata sasaran itu mampu dicapai berikutan kejohanan tersebut dikenali pada peringkat global dan mendapat sambutan luar biasa penggemar sukan layar saban tahun.

"Biasanya lebih 30 pasukan termasuk luar negara ambil bahagian dalam kejohanan ini. Hanya tahun ini RMSIR disertai 10 pasukan tempatan memandangkan kita terikat dengan perintah kawalan

"Jadi, kita yakin lebih banyak pasukan akan sertai tahun depan apabila pintu sempadan negara dibuka," katanya selepas majlis penutup RMSIR 2021 di Royal Langkawi Yacht Club (RYLC) di sini pada 19 Disember.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Azrul Shah Mohamad, Pengerusi RMSIR Jeff Harris dan Pengarah Eksekutif RYLC Azlan Abdullah.

Samuel perkuat posisi penjaga gol

KUALA LUMPUR - Selangor FC pada 17 Disember mendapat penjaga gol baharu, Samuel Somerville yang berhijrah dari Penang FC bagi menghadapi saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2022.

Beliau berkata status Selangor FC sebagai pasukan utama menjadi faktor utama beliau memilih menyertai skuad Gergasi Merah.

"Jadi, saya faham betapa besarnya makna bermain untuk kelab ini. Saya tahu Selangor FC bercita-cita tinggi untuk mencapai kejayaan musim hadapan," katanya.

Pemain berdarah kacukan Malaysia-England berusia 27 tahun itu menyeru penyokong Selangor FC agar terus kekal menyokong tidak kira saat suka atau duka pada musim depan. – BERNAMA

Piala AFF: Malaysia kecundang 1-4

KUALA LUMPUR - Malaysia ditunjukkan jalan keluar daripada Kejuaraan Piala Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2020 selepas tewas 1-4 di tangan Indonesia, pada aksi terakhir Kumpulan B di Stadium Nasional Singapura pada 19 Disember.

Keputusan itu menafikan impian skuad kebangsaan untuk mara ke peringkat separuh akhir, apabila menamatkan saingan kumpulan di tempat ketiga.

Ia juga menyaksikan pasukan negara gagal melepasi saingan kumpulan kejuaraan dwi tahunan itu buat kali kedua selepas edisi 2016 dalam enam penganjuran terakhir dan ia kekalahan ketiga Malaysia kepada Indonesia dalam lima pertemuan terakhir mereka di pentas Piala AFF. – BERNAMA

EXCO Perumahan dan Kesejahteraan Bandar Rodziah Ismail meninjau dan membersihkan rumah yang ditenggelami banjir di Kampung Kebun Bunga, Shah Alam pada 22 Disember

EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian Dato' Teng Chang Khim mengagihkan bantuan daripada Istana Negara kepada penduduk di Batu Belah, Klang pada 24 Disember

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Meru, Klang pada 23 Disember. Kawasan ini antara terjejas di daerah tersebut

EXCO Pembangunan Sosio-Ekonomi, Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau bertemu mangsa banjir di pusat pemindahan di Dewan Kenanga Seksyen 28, Shah Alam pada 23 Disember

EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud meninjau ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Puchong Utama, Subang Jaya pada 24 Disember

EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan Mohd Khairuddin Othman menyampaikan bantuan keperluan kepada mangsa banjir di Kampung Merbau Sempak, Shah Alam pada 22 Disember

EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni menyantuni mangsa banjir di Masjid Alam Impian, Shah Alam pada 21 Disember

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Ng Sze Han menyerahkan bantuan tilam kepada penduduk terjejas banjir di Taman Kinrara, Puchong pada 22 Disember

EXCO Hal Ehwal Orang Asli Hee Loy Sian meredah banjir ketika memberi bantuan keperluan harian kepada penduduk di Kampung Orang Asli Bukit Serdang, Kuala Langat pada 22 Disember

EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Borhan Aman Shah menyampaikan bantuan banjir daripada Tanjong Wahyu Sdn Bhd dan PKNS kepada 30 keluarga mangsa dari Kampung Budiman, Klang pada 23 Disember

Wakil rakyat Kota Anggerik Mohd Najwan Halimi menyantuni mangsa banjir dari Padang Jawa yang kini ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Kiambang, Seksyen 7, Shah Alam pada 20 Disember

Wakil rakyat Dusun Tua Edry Faizal Eddy Yusof bersama sukarelawan bersiap untuk membantu mangsa banjir di Hulu Langat pada 19 Disember. Kawasan ini paling terjejas, ibarat dilanda tsunami